

Jilid III  
Bil. 7



Hari Rabu  
3hb April, 1985

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 993]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 1057]

**USUL-USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 1058]**

**Aturan Urusan Mesyuarat—**

**Rang Undang-undang Perikanan—Menangguhkan Bacaan Kali Kedua  
[Ruangan 1121]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 1064]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

.. Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y. B. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y. B. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

.. Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFHDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

.. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

.. Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

.. Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,  
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,  
A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA  
BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH  
SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD  
(Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.  
(Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala  
Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS  
(Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOON (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 3hb April, 1985
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**KEDAI MINYAK PETRONAS—  
SAMBUTAN JABATAN KERAJAAN**

**1. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah sambutan jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan terhadap kedai-kedai minyak (petrol kiosk) PETRONAS. Adakah Kerajaan akan mengadakan peraturan yang mewajibkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan itu mendapat bekalan minyak untuk kenderaan dan lain-lain keperluan di mana ada kedai minyak PETRONAS.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak mewajibkan jabatan-jabatan dan agensi-agensinya untuk mendapat bekalan minyak bagi kenderaan-kenderaan dan lain-lain keperluan daripada kedai-kedai minyak PETRONAS. Pada masa ini Kerajaan menggunakan sistem tender untuk bekalan minyak bagi kenderaan-kenderaan Kerajaan. PETRONAS dianggap sebagai salah sebuah syarikat minyak yang seharusnya bersaing dengan syarikat-syarikat minyak yang lain untuk mendapat tender Kerajaan tersebut.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini sama ada beliau mempunyai angka mengenai bilangan kedai-kedai minyak yang telah didirikan oleh Syarikat PETRONAS?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, kedai-kedai minyak ataupun yang kita panggil stesyen-stesyen servis yang telah dibina oleh PETRONAS adalah seperti berikut. Ada tiga kategori: yang telah siap dan dalam operasi, yang sedang dibina dan yang sedang ditawarkan atau ditender. Yang dalam operasi adalah berjumlah 100 buah stesyen-stesyen servis. Yang sedang dibina ada 48 buah dan yang sedang ditawarkan atau ditender adalah 18 buah. Saya mempunyai angka-angka untuk semua negeri tetapi untuk menjimatkan masa Dewan ini, saya ingin serahkan senarai ini nanti.

Apa yang saya ingin katakan ialah kesemuanya stesyen-stesyen servis PETRONAS yang 100 buah yang telah siap itu menjalankan khidmat untuk membolehkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru memberi peluang kepada bumiputera berkecimpung di dalam arena perniagaan hasil petroleum dan gas di negara kita ini dan pada keseluruhannya daripada 100 ini yang telah disiapkan di tiap-tiap negeri terdapat sebuah stesyen servis PETRONAS yang dikendalikan oleh PETRONAS sendiri—satu bagi tiap-tiap negeri.

Ini bukanlah kerana PETRONAS tidak mahu memberi peluang kepada seorang lagi penjual untuk menguruskan dan menjalankan perniagaan di satu stesyen yang diurus oleh PETRONAS sendiri itu akan tetapi ini adalah untuk mengekalkan kemudahan PETRONAS memberi latihan dan bimbingan-bimbingan kepada peniaga-peniaga yang akan mengendalikan perniagaan di stesyen-stesyen servis PETRONAS yang lain di tiap-tiap negeri.

Jadi bolehlah dikatakan lebih kurang 13 buah di dalam 13 negeri terdapat stesyen-stesyen servis yang dikendalikan oleh PETRONAS, yang lain semuanya ditawarkan dan dijalankan oleh peniaga-peniaga bumiputera.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Stesyen-stesyen servis minyak yang kita dapati bahawa mesin-mesin untuk pam minyak kepada tangki-tangki kereta didapati ada yang tidak sama, boleh jadi kerana mesin itu rosak atau sebagainya. Jadi misalannya kalau kita beli di stesyen ini kita boleh dapat minyak banyak sedikit, stesyen lain kurang sedikit. Jadi tidak sama, maka apakah peranan Kerajaan untuk meneliti tentang mesin-mesin ini? Adakah dibiarkan begitu sahaja ikut suka pihak-pihak tuan-tuan empunya stesyen itu dengan tidak ada dikawal atau diteliti oleh pihak Kerajaan untuk memeriksa dan sebagainya kerana perkara-perkara yang seumpama ini banyak mendapati sungutan-sungutan daripada orang ramai.

Maka pertanyaan saya ialah apakah peranan Kerajaan dalam meneliti ataupun mengawasi dalam perkara mesin-mesin ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu menyentuh satu perkara

yang di luar bidang tugas Menteri yang berkenaan kerana ia menyentuh satu perkara di bawah bidang tugas Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat makluman daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa pekan-pekan atau bandar-bandar di mana PETRONAS menyediakan stesen-stesen pam minyak ini sudah sedia terdapat banyak pam-pam minyak yang dijalankan oleh operator daripada lain-lain syarikat minyak dan sama ada bumiputera-bumiputera yang menguruskan petrol station kepunyaan PETRONAS ini boleh berlawan menghadapi competition, dengan izin, daripada lain-lain stesen minyak terutama dalam keadaan sekarang nampaknya tidak ada kelebihan ataupun mereka terpaksa menjual minyak dengan harga yang sama.

Soalan yang kedua, berikutan dengan itu ialah oleh kerana PETRONAS mengilangkan (menapis) minyaknya sendiri di negeri ini dan kerana itu harus tidak melibatkan kos tambahan pengangkutan crude daripada luar negeri, adakah kemungkinan pihak PETRONAS menurunkan harga minyaknya di pam-pamnya sendiri terutama di negeri saya pantai timur di negeri Terengganu khasnya di mana minyak itu diambil daripada negeri itu sendiri dan ditapis di situ sendiri dan sepatutnya minyak yang dijual di pam-pam stesen PETRONAS boleh dijual dengan harga yang lebih rendah.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan untuk mendirikan tiap-tiap sesuatu stesen servis itu PETRONAS membuat kajian feasibility terutama sekali kajian feasibility ekonomik yang boleh menentukan sama ada perlu lagi

mendirikan satu stesen servis di tempat yang sudah ada stesen-stesen servis yang lain ataupun tidak. Ini sentiasa diamalkan oleh PETRONAS dan setanding dengan itu kepentingan melaksanakan dasar ekonomi pula sentiasa dihiraukan.

Jadi, sebenarnya seperti yang telah kita perkatakan beberapa kali PETRONAS mewujudkan stesen-stesen servis ini di dalam satu sistem ekonomi yang bercorak free enterprise, dengan izin, iaitu di dalam suasana yang persaingan dan bukanlah tujuan PETRONAS untuk memonopoli sistem pembinaan ataupun perdagangan stesen-stesen servis di negara ini di masa hadapan. PETRONAS hanya merupakan satu daripada 5 ataupun 6 pembuat-pembuat atau peniaga-peniaga stesen servis di negara kita dan persaingan itu agak hebat PETRONAS juga turut serta menghadapi persaingan daripada syarikat-syarikat yang lain yang ada di negara kita.

Kedua, mengenai dengan kos atau harga minyak yang diedarkan oleh PETRONAS, dijual oleh PETRONAS harga minyak adalah berpandu kepada harga antarabangsa. Bagi kita harga minyak dan lain-lain bahan yang telah diproses dan dijual di stesen-stesen servis PETRONAS adalah berpandu kepada harga minyak tapis plain ataupun jenis tapis yang terdapat di Terengganu dan ini memanglah kita perlu pertahankan dengan seberapa saksamanya memandangkan harga minyak itu tertakluk kepada hasil yang boleh kita dapati sebagai pengeluar minyak.

Kita sentiasa cuba untuk merendahkan harga minyak dan lain-lain bahan yang dikeluarkan oleh PETRONAS sekali lagi dengan hasrat untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru di negara kita ini tetapi di dalam suasana sistem free enterprise yang saya telah katakan tadi itu kita tidaklah mampu, PETRONAS

tidaklah mampu untuk merendahkan harga-harga minyak dan bahan kepada siapa sahaja penjual, siapa sahaja pengedar sama ada pengedar bumiputera ataupun pengedar bukan bumiputera di negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir).*

### KADAR "LITERACY" MENGIKUT KAUM DI MALAYSIA

**3. Tuan Mutang Tagal** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) "rate of literacy" mengikut kaum di Malaysia dalam tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984;
- (b) setakat ini mana peranan kelas-kelas dewasa di seluruh negara dapat meningkat kadar "literacy" ini dalam tempoh yang sama; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang membuat satu suratkhbar Braille (Braille Newspaper) bagi rakyat kita yang buta memandangkan bilangan penduduk kita yang buta makin meningkat dan jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) mengikut banci penduduk tahun 1980 jumlah penduduk berumur 10 tahun ke atas yang kenal huruf adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>Peratus</i>
Melayu .. ..	78.8%
Cina .. ..	78.9%
India .. ..	69.5%
Lain-lain .. ..	78.7%

- (b) Jabatan Perpaduan Negara telah menganjurkan Kelas Dewasa yang dikenali sebagai

Kelas Perpaduan Rakyat dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui KEMAS juga telah mengadakan Kelas Dewasa bagi penduduk-penduduk luar bandar melalui Rancangan Pedoman Tugas (RPT) dan kelas belajar rumi. Berdasarkan kepada butir-butir kelas dan pelajar semenjak Kelas Dewasa diadakan ternyata program ini telah berjaya dan pada tahun 1984 jumlah pelajar-pelajar yang memasuki sekolah adalah berkurangan, di setengah kawasan Sekolah Dewasa telah ditutup kerana tiada pelajar.

- (c) setakat ini Kerajaan tidak ada rancangan membuat surat-khabar Braille memandangkan jumlah orang buta yang boleh membaca Braille adalah masih kecil.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar kadar literacy yang disebutkan tadi adalah rendah dan bukannya ini menunjukkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan itu tidak begitu sempurna dan adakah cadangan untuk memperbaiki langkah-langkah ini?

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Daripada angka-angka yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, jelas menunjukkan bahawa kemajuan telah dicapai. Dan dakwaan yang mengatakan kita tidak berjaya dan sebagainya, saya agak kurang faham. Tetapi kalau ada sesuatu cadangan untuk memperbaikinya, pihak Kerajaan sedia mengalu-alukannya.

#### KAKITANGAN KERAJAAN— KADAR SEWA RUMAH

4. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan membuat pertimbangan untuk

menyelaraskan kadar sewa rumah bagi Kakitangan Persekutuan yang menduduki Rumah Kerajaan dengan kadar yang dikenakan kepada Kakitangan Kerajaan Negeri. Misalnya di negeri Sarawak, kadar sewa rumah bagi Kakitangan Kerajaan Negeri telah diturunkan ke kadar yang lebih rendah mulai 1-6-84.

<i>Jenis Rumah</i>	<i>Sewa</i>
E (Kelas II) .. .. .	\$110
F (Kelas III) .. .. .	75
G (Kelas IV) .. .. .	30
H (Berek/2 bilik) .. .. .	10

Kakitangan Persekutuan yang menduduki rumah yang sama jenis dan sebilangan besar daripada mereka itu menduduki Rumah Kerajaan Negeri masih dikehendaki membayar sewa rumah yang lebih tinggi seperti berikut:

<i>Jenis Rumah</i>	<i>Sewa</i>
E (Kelas II) .. .. .	\$120
F (Kelas III) .. .. .	80 (Maksimum)
G (Kelas IV) .. .. .	60 (Maksimum)
H (Berek/2 bilik) .. .. .	60 (Maksimum)

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa rumah yang tidak seragam yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada di dalam pengetahuan Kerajaan dan tindakan sedang diambil untuk menyeragamkannya bagi kedua-dua pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Sarawak.

#### PERNIAGAAN PERKAPALAN PERSENDIRIAN

5. **Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memelihara atau melindungi perniagaan perkapalan persendirian. Sama ada benar

Kerajaan cuba menghentikan pengeluaran permit kepada kapal-kapal lama yang telah dibina lebih 25 tahun lalu supaya memelihara keselamatan pengangkutan di laut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, rangkaian perkataan "perniagaan perkapalan persendirian" dalam soalan-soalan yang dimaksudkan pemilik-pemilik kapal yang terdiri daripada individu-individu ataupun, dengan izin, individuals who are ownership as agent corporate ship owners. Akta Perkapalan Saudagar yang sedia ada memang memelihara serta mengekalkan hak individu-individu yang terdiri daripada warganegara untuk mendaftarkan kapal di Malaysia serta mengendalikan perniagaan perkapalan mereka.

Di samping itu, langkah yang terpenting yang diambil oleh Kerajaan bagi melindungi semua perniagaan perkapalan termasuk perniagaan yang diusahakan oleh individu-individu ialah dengan melaksanakan dasar kabotaj mulai 1hb Januari, 1980.

Dasar ini melindungi kepentingan perniagaan perkapalan dengan cara tidak membenarkan kapal-kapal yang didaftarkan di luar negeri dan yang dimiliki oleh pihak asing untuk mengangkut kargo atau penumpang di antara dua pelabuhan atau tempat di Malaysia ini.

Berhubung dengan soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini adalah tidak benar bahawa Kementerian Pengangkutan cuba menghentikan kapal-kapal yang berusia 25 tahun dan ke atas daripada belayar. Kementerian Pengangkutan ada menerima dakwaan daripada pihak pelaut bahawa ada di antara kapal-kapal daftaran Malaysia kononnya ada yang tidak dibenarkan belayar kerana tahap keselamatan

yang tidak memuaskan serta aduan pihak berkuasa pelabuhan bahawa kapal-kapal tua menjejaskan kecekapan pelabuhan dari segi, dengan izin, turn around time.

Dalam hal ini Kementerian Pengangkutan masih mengkaji cara-cara untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh pelaut-pelaut serta pihak berkuasa pelabuhan itu. Jika perlu Kementerian Pengangkutan akan menimbang untuk mengadakan had usia kapal yang diterima atas pendaftaran Malaysia serta pemeriksaan kapal atau, dengan izin, ship survey yang lebih kerap bagi memastikan taraf keselamatan kapal-kapal daftaran Malaysia.

#### **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PENGELUARAN 1/3**

**6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa Kerajaan telah mencadangkan hendak menaikkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) antara empat dan lima peratus bagi pekerja dan majikan. Ingin tahu dari Menteri Kewangan adakah Kementerian Kewangan bercadang agar penyimpan-penyimpan wang KWSP ini dapat dikeluarkan satu pertiga daripada simpanan mereka ketika berumur 45 tahun, tidak sepertimana peraturan sekarang iaitu ketika penyimpan 50 tahun baru dikeluarkan satu pertiga daripada simpanan mereka. Dan berapa ramai pekerja ini yang menyimpan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini yang telah mengeluarkan wang simpanan mereka sebanyak satu pertiga daripada simpanan sejak awal tahun 1984 hingga akhir tahun 1984.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah pun

menerangkan di Dewan yang mulia ini ketika memberi jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 29hb Mac, 1985 bahawa pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sedang mengkaji semula skim-skimnya dengan tujuan untuk memperbaiki faedah-faedahnya kepada pencarum-pencarum supaya kadar caruman KWSP dinaikkan. Kajian ini masih dalam pertimbangan Kementerian saya.

Berkenaan dengan pertanyaan mengenai pengeluaran  $\frac{1}{3}$  dari simpanan ahli yang mencapai umur 50 tahun pula dalam tahun 1984 seramai 26,629 ahli telah mengeluarkan simpanan mereka dengan jumlah pengeluaran sebanyak \$106 juta.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Rang Undang-undang Pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merangkumi berbagai syor akan dibentang dan dibahaskan di dalam Dewan pada mesyuarat kali ini?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tadi telah menjelaskan bahawa kajian berkenaan sedang dibuat dan jikalau perlu satu pindaan kepada Rang Undang-undang tersebut akan dikemukakan oleh Kementerian saya. Oleh sebab kajian ini belum siap, saya ingat pindaan itu tidak akan dikemukakan di dalam sidang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kajian KWSP yang sedang dijalankan oleh pihak berkenaan, adakah Kerajaan berhasrat untuk menjemput pandangan-pandangan, pendapat-pendapat semua pihak yang berkenaan baik pun pihak pekerja-pekerja, kesatuan-kesatuan dan majikan-majikan supaya satu kajian menyeluruh boleh diadakan sebelum

apa-apa pindaan diputuskan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

### PERBADANAN PEMBEKALAN LETRIK SARAWAK (SESCO)— PENGAMBILAN-ALIH

**7. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (SESCO) akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat, dan apakah perjanjian dan persiapan-persiapan yang telah, sedang dan akan dibuat oleh kedua-dua belah pihak.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini adalah sukar bagi saya untuk menyatakan bilakah tarikh Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (SESCO) dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Pusat oleh kerana sehingga ini persoalan berkaitan dengan pembayaran pampasan yang terlibat dalam urusan pindaan ini belum dapat diselesaikan lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah soal pampasan dan perkara-perkara yang lain yang terlibat dengan perkara ini dapat diselesaikan?

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi dapat saya pastikan.

### PEMBANGUNAN INDUSTRI KAMPUNG—MATLAMAT RANCANGAN

**8. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada rancangan AVID akan dilaksanakan di tiap-tiap negeri di seluruh Malaysia.

Adakah Kementerian itu sedar bahawa pelaksanaan rancangan industri di peringkat negeri dan daerah banyak tertumpu kepada Industri Kraftangan dan fahaman sebenar tentang rancangan ini di peringkat pegawai masih berkurangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah program AVID (Accelerated Village Industries Development) ataupun mempercepatkan pembangunan industri kampung, Kementerian saya memang telah merancang supaya kilang-kilang memproses bahan-bahan daripada buluh, rotan, kayu dan tanah liat diadakan di tiap-tiap negeri di Malaysia.

Bagi peringkat permulaan Kementerian saya telah meminta kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai bagi tapak-tapak kilang AVID. Dalam hubungan ini beberapa Kerajaan Negeri telah pun menawarkan tapak-tapak yang sesuai di kampung-kampung iaitu tapak-tapak yang mempunyai kemudahan asas seperti jalan, air, bekalan elektrik dan mempunyai bekalan bahan-bahan mentah yang cukup.

Memandangkan prestasi yang amat menggalakkan dalam industri kampung terutamanya bidang kraftangan, Kementerian saya telah menjalankan berbagai-bagai kempen untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada semua yang terlibat dalam program ini.

Pertamanya, satu kempen kesedaran industri kampung dan karyaneka peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27hb Mei, 1983 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Pegawai-pegawai yang terlibat di

peringkat pusat, negeri dan daerah termasuklah Ahli-ahli Exco tiap-tiap negeri yang bertanggungjawab dalam pembangunan luar bandar, penghulu-penghulu, penggawa-penggawa, penyelia-penyelia dan pemaju-pemaju masyarakat KEMAS yang hadir dalam kempen tersebut.

Di samping itu juga, Jawatankuasa Penyelaras Industri Kampung dan Karyaneka di tiap-tiap Negeri telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh ahli Exco dan ahli-ahlinya terdiri dari pegawai-pegawai agensi di peringkat Negeri dan Daerah termasuklah penolong-penolong, Pegawai Daerah (Pembangunan).

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam penyelarasan dan kemajuan industri kampung dan kraftangan. Dari masa ke semasa juga pihak Kementerian mengadakan dailog, bengkel dan ceramah bagi tujuan menggalakkan program ini.

Kementerian saya menggunakan media massa seperti radio, televisyen dan akhbar-akhbar tempatan supaya publisiti dan penerangan dapat disampaikan kepada semua pihak.

### **EKSPRES KTM—PENUKARAN JADUAL BERTOLAK**

**9. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan menukarkan jadual bertolak Ekspres KTM petang dari Kuala Lumpur, Butterworth dan Singapura yang kini bertolak pada pukul 3.00 petang kepada masa yang lebih awal iaitu pukul 2.00 petang supaya keretapi-keretapi boleh tiba ke destinasi yang lebih awal.

**Puan Hajjah Rahman binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa pihak KTM tidak mempunyai rancangan untuk

menukar jadual bertolak Ekspres KTM petang kepada masa yang lebih awal, oleh kerana terlalu suntuk untuk dilaksanakan. Tambahan pula bagi Stesen Kuala Lumpur khususnya, sudah pun ada tren-tren ekspres iaitu Ekspres Rakyat yang berlepas dalam lingkungan tempoh yang dinyatakan itu iaitu pada pukul 1.35 petang dari Kuala Lumpur ke Singapura dan pukul 1.45 petang dari Kuala Lumpur ke Butterworth.

### TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

**10. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, hingga sekarang Kerajaan Filipina belum lagi mengisytiharkan secara rasmi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Apakah usaha selanjutnya untuk mencapai matlamat tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, saya ingin menegaskan bahawa Sabah adalah sebahagian negara Malaysia. Ini adalah suatu kenyataan yang telah diakui oleh seluruh negara-negara dan masyarakat antarabangsa.

Sebagaimana kita sedia maklum, negara Filipina telah pun membuat tuntutan ke atas Sabah. Tetapi pada tahun 1977, ketika menghadiri persidangan kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur, Presiden Marcos telah mengumumkan bahawa Filipina telah memutuskan untuk menggugurkan tuntutannya ini.

Beliau juga menambah bahawa Filipina akan mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan keputusan tersebut.

Kenyataan Presiden Marcos itu dibuat di hadapan semua Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara ASEAN

yang hadir di Persidangan tersebut dan juga disaksikan oleh media massa antarabangsa.

Implikasi dari kenyataan Presiden Marcos ini membuktikan bahawa ada langkah-langkah tertentu yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Filipina untuk menggugurkan tuntutan tersebut. Oleh yang demikian tidak hairanlah bahawa masyarakat serta media massa antarabangsa sering menanya-nanya:

- (i) apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan Filipina untuk menggugurkan tuntutan tersebut.
- (ii) sama ada langkah-langkah tersebut telah pun diambil oleh Kerajaan Filipina sebagaimana yang telah diumumkan di Persidangan Kemuncak ASEAN Tahun 1977 oleh Presiden Marcos sendiri.

Bukanlah kita untuk memberi jawapan kepada soalan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat mempercayai bahawa pihak Filipina ini jujur, kerana adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa di dalam Perlembagaan Filipina, syarat ke atas Sabah ini tidak dipinda sehingga sekarang. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat beribu-ribu penduduk daripada Filipina yang masuk ke Sabah dan bukannya ini mungkin akan menjadi satu punca pada masa hadapan di mana Sabah boleh diambil alih.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sudah pun ada persetujuan di kalangan negara-negara ASEAN, persetujuan yang tersurat dan tersirat bahawa semua anggota-anggotanya harus membuat apa sahaja yang mungkin untuk membela kesetiakawanan dan

juga perpaduan di antara negara-negara ASEAN. Dengan semangat itu, Kerajaan Malaysia juga sentiasa sedar bahawa di antara negara-negara anggota ASEAN akan bangkit berbagai-bagai masalah dari masa ke semasa.

Tetapi Kerajaan Malaysia juga penuh sedar bahawa semua negara-negara anggota ASEAN harus membuat apa sahaja untuk mengatasi masalah-masalah ini berdasarkan semangat yang tersurat dan tersirat tadi itu dan kita sentiasa menghormati tanggungjawab kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, walaupun untuk mengiktiraf untuk menjadikan negara kita ini bukan tanggungjawab kita tetapi kita hendak mengetahui, apakah usaha yang kita jalankan sehingga hari ini untuk mendapatkan keputusan muktamad daripada negara-negara ASEAN yang lain walaupun Filipina tidak menyatakan apa-apa. Dan juga mendapat pengiktirafan daripada Bangsa-bangsa Bersatu tentang Wilayah tersebut kerana kalau kita melengahkan, perkara ini maka mungkin akan bertambah buntu lagi pada masa akan datang.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan dengan jelas dalam kenyataan saya tadi ini, kita tidak ada masalah mengenai Sabah. Sabah memang merupakan sebahagian Malaysia dan ini diiktiraf tanpa ragu-ragu oleh masyarakat antarabangsa. Tetapi pihak Presiden Marcos, pada ASEAN Summit tahun 1977 telah pun membuat satu kenyataan terbuka di hadapan yang disaksikan oleh media mass antarabangsa. Perlu sesuatu tindakan diambil oleh Kerajaan

Filipina mengikut kenyataan itu. Jadi, mengikut semangat yang telah saya nyatakan tadi mengenai kesetiakawanan negara-negara ASEAN maka kita tunggu sahajalah Kerajaan Filipina untuk mengambil tindakan-tindakan tersebut.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Luar, bolehkah Yang Berhormat menerangkan barangkali di dalam perundingan-perundingan peringkat pegawai-pegawai, kita boleh mengetahui sedikit sebanyak apakah faktor-faktor penting yang menyebabkan pihak Filipina melambat-lambatkan bagi menggururkan tuntutan ke atas Sabah.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa dalam hubungan ini kita terpaksa menunjukkan keikhlasan oleh semua puak yang terlibat. Kita sentiasa pada beberapa kali telah pun mengadakan hubungan-hubungan dengan pihak Filipina untuk membincangkan perkara ini, dan pihak Kerajaan Filipina memang mengetahui tentang pandangan dan pendapat kita bagaimana perkara ini dapat diatasi. Tetapi demi kepentingan untuk mencari satu penyelesaian, biarlah pendapat dan pandangan kita ini buat masa ini tidak diumumkan.

## PENGURUSAN BADAN-BADAN BERKANUN

11. **Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah bagi menjadikan badan-badan berkanun lebih dinamik sejajar dengan cara pengurusan sektor swasta, kerana kelemahan badan-badan berkanun adalah akibat daripada penggunaan sistem/

peraturan perkhidmatan dan kewangan biasa Kerajaan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa pengurusan dan prestasi badan-badan berkanun boleh dipertingkatkan. Penilaian sentiasa dijalankan oleh Kementerian-kementerian yang mengawasi badan-badan berkanun tersebut. Tetapi adalah kurang tepat jika hendak membandingkan cara pengurusan badan-badan berkanun dengan cara yang diamalkan oleh sektor swasta.

Adalah dimaklumi bahawa tiap-tiap badan berkanun ditubuhkan melalui Akta penubuhan masing-masing. Akta-akta ini di antaranya menentukan objektif dan peranan badan-badan berkanun terutama dalam hal-hal yang mendukung objektif Dasar Ekonomi Baru.

Badan-badan Berkanun boleh dikumpulkan kepada dua kumpulan iaitu Badan-badan Berkanun sebagai peserta secara langsung dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan dan kedua sebagai badan memberi perkhidmatan perlesenan dan menjalankan penyelidikan.

Langkah-langkah seperti mengadakan sistem kawalan perbelanjaan yang lebih sempurna dan sistem perancangan program-program yang lebih realistik sejajar dengan kehendak-kehendak dan peruntukan Akta masing-masing sudah dan sedang dilaksanakan.

Selain daripada itu, usaha kearah meningkatkan daya usaha dan produktiviti kakitangan dalam semua bidang pengurusan sedang diambil. Penekanan juga diberi kepada pengambilan kakitangan yang berkebolehan dan berpengalaman serta memberi latihan sambil bekerja (in house training) dan pertukaran di antara agensi kepada mereka yang sudah berkhidmat. Di peringkat

Lembaga pula anggota-anggota baharu daripada kalangan mereka yang berkebolehan, berpengalaman dan berkedudukan professional dilantik untuk menguatkan lagi Lembaga Badan-badan Berkanun masing-masing.

**Tuan Omar bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan tentang Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun. Jadi, saya ingin tahu peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pengarah ini dalam usaha menjadikan pengurusan lebih dinamik, sama ada kuasa Lembaga-lembaga Pengarah ini akan diperkuatkan lagi ataupun ada cadangan pihak Kerajaan untuk menghapuskan langsung sistem Lembaga Pengarah ini dan menyerahkan lebih kuasa kepada Ketua Pentadbir satu Badan Berkanun itu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun ataupun agensi-agensi Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang tertentu. Mereka sebenarnya dilantik oleh Kerajaan untuk melihat kepentingan Kerajaan dan kepentingan rakyat tidak terjejas. Sama ada kita boleh menghapuskan langsung atau tidak Lembaga Pengarah ini, saya ingin menyatakan di sini di peringkat Lembaga Pengarah ini, biasanya mereka mengendali atau mengawasi perkara-perkara yang melibatkan dasar seperti matlamat kenapa Badan-badan Berkanun ini ditubuhkan dapat dilaksanakan, dan kuasa-kuasa di peringkat dasar ini tidak seharusnya diserahkan kepada Ketua Eksekutif. Ketua Eksekutif biasanya mengendalikan corak-corak ataupun langkah-langkah dalam bentuk pelaksanaan daripada dasar yang telah ditentukan oleh pihak Lembaga. Jadi dua-dua pihak ini

mempunyai fungsi yang berlainan. Ingin saya juga menjelaskan bahawa di syarikat-syarikat sektor swasta pun mereka juga mempunyai Lembaga Pengarah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa kalau kita sebut sahaja Badan Berkanun pada hakikatnya ialah jabatan Kerajaan dan apabila sebut jabatan Kerajaan maka ianya tidak akan mendatangkan keuntungan dari segi matawang ataupun dari segi nilai wang. Jadi, apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengklasifikasikan atau membezakan di antara manakah Badan Berkanun yang matlamatnya untuk mencari keuntungan dari segi kewangan dan yang mana pula Badan Berkanun yang hanya untuk memberi perkhidmatan sebagaimana jabatan Kerajaan yang lain supaya Badan-badan Berkanun ini tidak akan dicemoi dengan penilaian yang mengatakan kerugian yang dinilai dari segi mata kasar, bukan dari segi matlamat jangka panjangnya.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Badan-badan Berkanun ataupun agensi-agensi Kerajaan sering dikatakan OBA (Agensi Luar Belanjawan) ini ada tiga kategori. Yang pertama, Badan-badan Berkanun yang mempunyai perkhidmatan dan yang kedua Badan-badan Berkanun yang tergulung kepada Majlis Penguasa Tempatan. Kita juga mempunyai syarikat-syarikat Kerajaan yang digulungkan juga oleh masyarakat sebagai agensi-agensi Kerajaan. Sebenarnya, kalau kita mahu mengambil ukuran seperti dibuat di dalam sektor swasta dari segi keuntungan, ini hanya boleh dilakukan kepada syarikat-syarikat Kerajaan yang mana Kerajaan memiliki lebih daripada 50% equiti di

dalamnya. Oleh kerana syarikat-syarikat ini berjalan mengikut langkah-langkah seperti juga yang dilakukan oleh badan-badan ataupun syarikat swasta maka ukuran ini perlulah dibuat. Saya rasa dari segi pandangan masyarakat sendiri perbezaan antara fungsi Badan-badan Berkanun ini boleh dilihat dari segi nama dan dari segi pengenalan masyarakat sekalian atas tanggungjawab yang diberi kepada agensi-agensi tadi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam jawapan beliau tadi menekankan bahawa pengurusan Badan Berkanun ini adalah diletakkan kepada Ketua Eksekutif ataupun Pengerusi ataupun Pengurus Besar. Satu daripada sebab kegagalan Badan-badan Berkanun adalah disebabkan oleh Pengerusi atau Pengurus Besarnya itu memegang jawatan yang terlalu banyak. Umpamanya, seorang Ketua Eksekutif memegang sampai dua tiga badan yang terbesar, jadi menyebabkan tidak dapat mengawal badan yang dikhaskan kepadanya. Jadi, adakah Kementerian atau Jabatan Perdana Menteri bercadang supaya tiap-tiap Ketua Eksekutif itu diberikan satu Badan Berkanun sahaja.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagi mengenal pasti supaya Badan Berkanun ini benar-benar memainkan peranan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru, apakah satu cara supaya Pengurusan Kewangannya benar-benar digunakan dengan betul supaya tidak memberi keuntungan kepada Ketua Eksekutif atau Pengurus Besar dan Lembaga Pengarah sahaja.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan soal

yang pertama tadi, sebenarnya Jabatan Perdana Menteri telah pun mengeluarkan garis panduan yang tertentu membagikan kerja-kerja dan setakat mana fungsi Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Kerajaan. Walau bagaimanapun, kalau kita katakan hendak menyekat supaya Ketua Eksekutif menyandang satu jawatan sahaja, ini agak sukar oleh kerana kadangkala mungkin juga agensi atau syarikat kerajaan yang mana beliau menjadi Ketua Eksekutifnya mempunyai kepentingan ataupun saham dalam badan-badan yang lain. Jadi, dalam hal ini kita perlu juga mempertimbangkan sama ada beliau boleh juga mewakili agensinya untuk menduduki di badan yang lain tadi. Walau bagaimanapun, berapa banyak dan had-had pegawai-pegawai ini ataupun kakitangan ini boleh berbuat demikian, sudah pun diberi panduan.

Kedua, sama ada Ketua Eksekutif ini melanggar keperluan Dasar Ekonomi Baru seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat dari segi kemungkinan penyelewengan tugas-tugas, saya ingin menyatakan di sini sebagai ahli ataupun sebagai pegawai ataupun Eksekutif dalam Badan-badan Berkanun yang juga selain daripada syarikat-syarikat Kerajaan, ada kaitan dengan Kerajaan sudah tentu kita mempunyai peraturan dan cara-caranya. Umpamanya, kalau berlaku penyelewengan sudah tentu badan-badan Kerajaan seperti PBR dan sebagainya akan mengambil tindakan. Selain daripada itu, Kementerian-kementerian sendiri di mana agensi-agensi ini diletakkan sentiasa sahaja mengawasi kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh kakitangan daripada agensi ini selain daripada JPM sendiri macam saya sebutkan tadi mempunyai satu Jawatankuasa yang sentiasa sahaja menyesan segala perjalanan agensi-agensi ini.

### PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMATIK MENARIK PELABURAN

12. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan pegawai-pegawai diplomatik baru-baru ini diarah menceburkan diri mereka dalam menarik pelaburan asing dan membantu barangan eksport Malaysia menembusi pasaran dunia, apakah satu program orientasi khas akan dirancang supaya pegawai-pegawai diplomatik yang berkenaan akan menjadi lebih fasih dalam isu-isu ekonomi, perdagangan dan industri.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Di dalam beberapa kenyataan yang lalu, Kerajaan telah menegaskan iaitu selaras dengan dasar Kerajaan menitikberatkan kemajuan ekonomi negara, pihak Wisma Putra juga akan mengalihkan tumpuannya untuk memberi perhatian yang khas juga kepada soal-soal ekonomi. Ini bermakna sungguhpun Wisma Putra akan terus menjalankan tugas-tugas diplomasinya yang biasa, ianya juga akan melibatkan usaha-usaha ke arah memajukan kepentingan ekonomi Malaysia di luar negeri dan menarik lebih banyak pelaburan asing dan pemindahan teknologi ke Malaysia.

Oleh yang demikian, Wisma Putra akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha memberi latihan intensif dan berkesan kepada pegawai-pegawai baru dan juga kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas dan memberi tekanan kepada objektif-objektif ekonomi secara efektif. Wisma Putra sentiasa akan mengesan perkembangan program-program latihan yang sedang dijalankan dan Wisma Putra juga akan mengemukakan program-program latihan yang baru dari semasa ke semasa.

Untuk makluman, sebaik sahaja pegawai-pegawai diterima masuk ke dalam Perkhidmatan Tadbiran dan Diplomatik, mereka dikehendaki mengikuti latihan sepenuhnya selama setahun di INTAN. Semasa latihan ini mereka dikehendaki menghadiri kursus-kursus mengenai berbagai-bagai perkara termasuk menggalakkan barangan eksport Malaysia di pasaran luar negeri dan penggalakan pelaburan asing di Malaysia. Selepas itu dan apabila pegawai-pegawai ditempatkan di Kementerian Luar Negeri, mereka dan juga pegawai-pegawai yang sedia berkhidmat di Kementerian akan dari semasa ke semasa dihantar ke INTAN lagi untuk mengikuti kursus-kursus yang khusus di dalam perkhidmatan.

Di kursus-kursus ini pakar-pakar dari UNCTAD, GATT dan juga pertubuhan-pertubuhan ekonomi, perindustrian dan perdagangan dijemput untuk memberi taklimat kepada pegawai-pegawai Kementerian mengenai isu ekonomi antarabangsa, kewangan, perdagangan, perkembangan ekonomi antarabangsa, tenaga bahan-bahan utama, masalah hutang negara-negara sedang membangun, kerjasama ekonomi dan teknikal dan lain-lain isu ekonomi yang penting.

Mereka juga diberi taklimat mengenai konsep penswastaan, persyarikatan Malaysia, Dasar Pandang ke Timur dan Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian, mereka diberi peluang untuk memahami dengan lebih mendalam lagi matlamat dan dasar ekonomi kita.

Semasa berkhidmat di Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra juga menjalankan latihan dalam Jabatan yang termasuk mengadakan syarahan dan perbincangan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri. Pegawai-pegawai juga dibawa melawat ke

berbagai-bagai Kementerian dan agensi Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Perusahaan Utama, MIDA, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi lain untuk mendengar taklimat.

Sebelum pegawai-pegawai dihantar bertugas di perwakilan-perwakilan di luar negeri, mereka diberi peluang untuk mengenali secara dekat projek-projek pembangunan, barangan eksport, industri-industri kawasan-kawasan perdagangan bebas di Malaysia.

Wisma Putra dengan kerjasama pihak-pihak tertentu juga mengeluarkan arahan-arahan dan panduan-panduan kepada perwakilan-perwakilan kita di luar negeri tentang maklumat-maklumat yang perlu dikehendaki dan membuat laporan sedemikian supaya Ibu pejabat merangkakan strategi untuk menggalakkan eksport dagangan Malaysia dan menarik pelaburan asing bagi sesuatu tempat. Perwakilan kita di luar negeri juga diberi maklumat-maklumat dari semasa ke semasa mengenai perkembangan terbaharu berkait dengan perkembangan perindustrian dan pertukaran di dalam dasar-dasar dan perundangan yang mungkin dapat memberi kesan kepada perdagangan dan pelaburan di negara kita.

Adalah menjadi hasrat Wisma Putra juga untuk melaksanakan satu program untuk menempatkan pegawai-pegawainya secara sementara di agensi-agensi ekonomi dan perdagangan seperti Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, MIDA, UPE, HICOM dan badan-badan berkanun dan pertubuhan perniagaan seperti PERNAS, PETRONAS dan lain-lainnya untuk mendedahkan pegawai-pegawai di

Kementerian Luar Negeri di dalam sektor ekonomi, perindustrian dan perdagangan.

Kementerian Luar Negeri telah pun dan akan menjalankan secara aktif satu program orientasi untuk melatih pegawai-pegawai baru dan pegawai-pegawai diplomatik yang lain supaya dapat memahami dengan lebih baik lagi isu-isu mengenai ekonomi, perdagangan dan perindustrian serta melengkapi pegawai-pegawai dengan pengetahuan untuk menggalak dan meningkatkan eksport dagangan Malaysia di luar negeri dan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan juga lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Ada. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apakah pegawai-pegawai diplomatik dikehendaki membuat laporan khas mengenai hasil usaha mereka dari semasa ke semasa?

Soalan kedua, apakah isi kandungan laporan mereka akan disemak dan kemudian diedarkan kepada pedagang-pedagang yang memerlukannya?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah tanggungjawab ini diberikan kepada pegawai-pegawai kita dan laporan-laporan memang digalakkan dihantar dari semasa ke semasa. Namun demikian, ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan sekarang sedang pun mengkaji dengan mendalam untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras di luar negeri yang mengandungi semua agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan di luar negeri.

Laporan ini sedang pun dalam peringkat akhir dan satu kertas

Kabinet sedang disediakan dan apabila Kabinet meluluskannya, maka Jawatankuasa Penyelaras ini akan ditubuhkan di luar negeri, dan insya Allah, akan dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan kita.

Dengan adanya Jawatankuasa Penyelaras ini maka segala laporan-laporan dan juga segala recommendations yang dibuat oleh Jawatankuasa ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

### UMUR PERSARAAN— PENINGKATAN

**13. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Perdana Menteri menyatakan rasional di sebalik peningkatan umur persaraan bagi setengah kakitangan di dalam setengah perkhidmatan Kerajaan walhal, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada menyatakan bahawa "No man is indispensable" di dalam perkhidmatan Kerajaan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, umur persaraan wajib adalah ditetapkan pada 55 tahun bagi semua golongan pegawai dalam perkhidmatan awam termasuk pegawai polis, badan berkanun dan penguasa tempatan. Umur persaraan wajib ini telah dinaikkan dari 55 tahun ke 60 tahun mulai daripada 1-10-1961 dan diturunkan semula ke 55 tahun mulai 1-11-1968.

Menurut Undang-undang Pencen yang berkuatkuasa sekarang, seorang pegawai apabila meningkat umur 55 tahun adalah disarakan secara automatik. Anggota dalam Angkatan Tentera dikehendaki bersara sebelum atau apabila meningkat umur 55 tahun mengikut pangkatnya dan bagi Hakim-hakim pula Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan umur wajib bersara pada 65 tahun. Tetapi

ada kalanya apabila sesuatu kepakaran diperlukan dalam bidang tertentu dan kepakaran ini tidak boleh didapati daripada pegawai lain atau pegawai yang ada, maka Kerajaan terpaksa mengambil kerja semula secara pegawai kontrak atau pegawai sementara seseorang pegawai yang telah bersara daripada perkhidmatan awam, tidak bermakna umur wajib bersara itu dinaikkan.

**Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat pegawai-pegawai kanan Kerajaan termasuk anggota tentera ataupun polis yang telah sampai umurnya berpencen ataupun 55 tahun ke atas masih lagi diambil bekerja sama ada secara kontrak atau sebagainya. Adakah perbuatan ini memfrustkan, dengan izin, pegawai-pegawai yang dibawahnya untuk naik pangkat dan menjawat jawatan yang terpenting di Kementerian-kementerian yang berkenaan?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pihak Kerajaan ataupun pihak JPA tidak sedar wujudnya keadaan di mana pegawai-pegawai lain difrustkan, dengan izin, (*ketawa*) apabila Kerajaan menawarkan perkhidmatan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed tidak hadir).

#### **PERUSAHAAN TEPUNG REMBIA/ LEMANTAK DI SARAWAK**

**15. Dr Leo Michael Toyad** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperkembangkan lagi perusahaan tepung rembia atau lemantak di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepentingan tanaman ini sebagai tanaman industri dan makanan, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memperkembangkan lagi perusahaan sago, tepung rembia, lemantak di Sarawak.

Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut. Berkenaan dengan pengeluaran Lembaga Simpanan Kemajuan Tanah Sarawak (LCDA), telah diarahkan untuk menubuhkan sebuah estet sago. Agensi ini merancang untuk memajukan 4,046 hektar estet sago di kawasan Mukah bagi tempoh 1986-1990.

Di dalam jangkamasa yang sama, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak juga akan terus memberi bantuan kepada petani-petani untuk memulihkan 10,000 hektar kawasan sago yang sedia ada di Mukah, Dalat, Matu Daro, Kalakak dan Seribas.

Dari segi penyelidikan dua strategi telah dikenalpasti dan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak semenjak tahun 1980. Strategi yang pertama adalah bersabit dengan penyelidikan berhubung dengan pemerosesan sago. Untuk ini sebuah stesen dan makmal penyelidikan telah didirikan di Mukah pada tahun 1980, sebuah bengkel mekanik telah juga dibina dalam tahun 1984 di stesen penyelidikan sago di Mukah. Bengkel ini digunakan untuk membina atau mengubahsuaikan mesin-mesin untuk memproses sago.

Jabatan Pertanian telah membina mesin-mesin prototype untuk memproses sago dan ianya masih dalam ujian. Strategi penyelidikan yang kedua yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak ialah berkenaan dengan penyelidikan

tentang agronomy dan cara-cara penanaman sago termasuklah penanaman sago selingan di kawasan yang mempunyai keadaan saluran yang baik. Penyelidikan ini masih berjalan dan adalah terlalu awal untuk mengetahui keputusan-keputusannya.

Berhubung dengan pemerosesan dan pemasaran sago, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (SEDC) telah dan sedang dikaji perkara ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf perusahaan rembia ini sebagai perusahaan utama.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah saya jelaskan tadi, projek ini adalah projek yang dianggap penting sebagai tanaman industri dan makanan. Pada ketika ini, pihak kita akan membuat penelitian adakah tidak benda ini akan ditarafkan mengikut apa yang disyorkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat itu.

### KERAJAAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

**16. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tanggungjawab pimpinan 2M untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah masih belum tercapai lagi memandangkan banyak penyelewengan berlaku dari tiga tujuan asal itu, jika sedar, apakah langkah yang beliau cadangkan untuk diambil bagi memastikan bahawa objektif tersebut tidak hanya tinggal sebagai satu slogan tetapi dilaksanakan dengan jujur untuk faedah negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat mengambil masa tiga minit untuk menjawab soalan ini?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah merupakan usaha-usaha yang berterusan. Kerajaan belum berpuas hati dengan pencapaian setakat ini dan masih meneruskan usaha-usaha untuk mencapai cita-cita murni itu. Sebagaimana termaklum, Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang berterusan seperti menghendaki semua pegawai awam mengisytiharkan harta mereka, menghendaki semua pegawai awam datang ke pejabat mengikut waktu dan balik lewat dari waktu sepatutnya sebagai tanda pengorbanan bagi kepentingan masyarakat dan negara. Menggunakan Etika Kerja yang berasaskan falsafah kerja mengikut negara-negara timur yang sudah maju untuk mempertingkatkan produktiviti, memperkemas prosedur-prosedur pentadbiran untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada masyarakat dan juga membentasi amalan rasuah serta membawa ke muka pengadilan dan menyingkirkan mana-mana pegawai awam atau ahli-ahli pentadbiran yang mengamalkan rasuah.

Usaha-usaha ini diperkukuhkan lagi melalui langkah-langkah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Dengan usaha-usaha yang telah dijalankan itu, Kerajaan telah mendapat beberapa tanda yang membuktikan bahawa jentera pentadbiran Kerajaan bergerak ke arah perkhidmatan yang lebih bersih, lebih cekap dan lebih amanah. Pada keseluruhannya pegawai-pegawai awam adalah mematuhi masa bekerja, telah menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap penghasilan kerja yang bermutu dan kesedaran yang meluas telah meresapi pegawai-pegawai awam mengenai kejujuran dan keikhlasan dalam menjalankan tugas masing-masing. Dalam hubungan ini, insya Allah, matlamat

Kerajaan untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah akan tercapai dengan adanya kerjasama daripada segenap lapisan pegawai awam dan juga orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 14 dan 17 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).*

### NISBAH KAKITANGAN KERAJAAN

2. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah negara kita mempunyai satu nisbah tinggi kakitangan-kakitangan Kerajaan kepada kependudukan (861,351 kepada kependudukan 15.3 juta) berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain dan sama ada ini membayangkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan kita adalah kurang cekap kerana lebih ramai lagi orang dikehendaki untuk menjalankan perkhidmatan Kerajaan yang serupa asasnya sebagaimana dijalankan oleh negara-negara yang lain, dan sama ada pihak Kerajaan berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan sekarang kepada orang ramai.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Bilangan kakitangan yang berjumlah 861,351 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah kedudukan pada tahun 1983 dan merangkumi keseluruhan kakitangan awam termasuk Polis dan Tentera. Angka bilangan keanggotaan bagi tahun 1984 ialah 874,351. Dari jumlah tersebut 47% adalah terdiri dari kakitangan perkhidmatan Persekutuan; 17% kakitangan di peringkat Negeri; 14% kakitangan

Badan-badan Berkanun sementara 21% terdiri dari kakitangan Polis dan Tentera.

Malaysia adalah di antara negara yang sedang pesat membangun. Di samping itu Malaysia juga menghadapi masalah berkaitan dengan keselamatan dan pertahanan negara. Bagi menjamin kadar pembangunan yang pesat dan keselamatan negara yang dimaksudkan itu, maka Kerajaan telah berusaha selama ini untuk mewujudkan satu perkhidmatan awam yang sanggup untuk mengendalikannya segala tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap.

Nisbah (a) kakitangan Kerajaan kepada penduduk negara yang tinggi ini adalah satu manifestasi usaha Kerajaan yang gigih di masa lalu; (b) untuk memastikan supaya semua tanggungjawab Kerajaan dapat dijalankan dengan berkesan. Ia juga memenuhi keperluan negara bagi membanyakkan peluang bekerja sesuai dengan dasar "labour intensive" yang diamalkan sejak dulu.

Bagi kebanyakan negara-negara lain, atas sebab-sebab tertentu mereka tidak menunjukkan bilangan angkatan-angkatan Tentera dan Polis dan jarang pula mengambilkira perkhidmatan-perkhidmatan Badan-badan Berkanun atau Penguasa-penguasa Tempatan di dalam definisi "perkhidmatan awam" mereka. Oleh sebab itu bilangan-bilangan anggota perkhidmatan awam negara-negara tersebut nampak agak kecil jika dibandingkan dengan negara kita.

Jika komponen Polis dan Tentera diasingkan maka nisbah kakitangan perkhidmatan awam dan penduduk negara hanyalah 4.43% berbanding dengan hampir 6% sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan menjaga keselamatan itu dirangkumkan sekali.

Keadaan sekarang memanglah telah berubah, terutamanya di masa

kemerosotan ekonomi dunia ini. Usaha adalah sedang dijalankan untuk mengurangkan jumlah bilangan kakitangan dan perbelanjaan perkhidmatan awam melalui beberapa dasar baru yang telah dilancarkan oleh Kerajaan. Langkah-langkah seperti mengurangkan kadar pengambilan kakitangan bagi jawatan-jawatan yang tidak penting dan usaha untuk mengswastakan beberapa perkhidmatan Kerajaan yang dirasakan sesuai sedang dijalankan. Di samping itu pihak Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang berat terhadap kualiti perkhidmatan kakitangan Kerajaan. Beberapa langkah untuk meningkatkan kualiti mereka seperti melalui program perkhidmatan cemerlang, mengadakan konsep Kepimpinan Melalui Teladan, pengwujudan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, mengadakan mesin perakam waktu mengadakan peti-peti cadangan dan latihan-latihan di dalam perkhidmatan adalah merupakan beberapa program untuk meninggikan lagi kualiti yang sedia ada.

#### **KENDERAAN PEJABAT POS**

**14. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan kenderaan kepunyaan Pejabat Pos di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat Pos Wilayah Persekutuan yang baharu telah terlalu tua umurnya, dan kalau sedar bilakah Kerajaan dapat mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar kenderaan Jabatan Perkhidmatan Pos yang digunakan sekarang ada di antaranya yang usianya tersangat lama dan kadang-

kadang berlaku kerosakan. Jabatan Perkhidmatan Pos berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki kenderaan-kenderaan yang mengalami kerosakan, malah menghantar mana-mana kenderaan yang melewati usia 5 tahun dan terlalu lasak digunakan (seperti kenderaan-kenderaan yang berkhidmat untuk kawasan-kawasan terpencil dan keadaan infrastruktur yang kurang memuaskan) ke woksyp Jabatan Kerja Raya untuk diperiksa dan dikeluarkan Sijil "BER" (Beyond Economic Repair). Penggantian ke atas kenderaan-kenderaan yang telah dikondemkan sentiasa dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan yang benar-benar mendesak dan dalam kemampuan peruntukan kewangan Jabatan Perkhidmatan Pos. Walau bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Pos tidak dapat menggantikan kesemua kenderaan yang rosak sekaligus memandangkan kedudukan kewangan negara yang masih belum pulih. Tambahan pula peruntukan bagi penyenggaraan kenderaan yang diluluskan bagi Jabatan Perkhidmatan Pos bagi tahun 1984 dan tahun-tahun sebelumnya adalah terhad dan tidak mencukupi. Mulai tahun 1985 ini Jabatan Perkhidmatan Pos telah melaksanakan Sistem Perakaunan Perniagaan di mana dalam sistem ini kesemua hasil pendapatan Jabatan Perkhidmatan Pos dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Pos. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Perniagaan itu Jabatan Perkhidmatan Pos mempunyai kewangan yang cukup di bawah kawalannya bagi mengadakan peruntukan yang diperlukan bagi penyenggaraan kenderaan dalam keadaan yang baik. Usaha-usaha penyenggaraan akan dijalankan dan kenderaan baru diharap akan dapat dibeli bagi mengganti kenderaan yang sering mengalami kerosakan, disamping menambah kenderaan bagi menampung tugas-tugas yang kian bertambah.

### BANK ASING/TEMPATAN— EKUITI SAHAM

**17. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah bank-bank asing dan tempatan yang sedia ada di Malaysia; sila nyatakan ekuiti saham mereka dan peratus ekuiti yang dipegang oleh orang-orang Melayu, India dan asing.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Pada masa ini terdapat sebanyak 16 buah bank-bank asing dan 22 buah bank-bank tempatan yang menjalankan urusannya di Malaysia. Oleh kerana bank-bank asing di Malaysia adalah hanya cawangan bank-bank yang diperbadankan di luar negeri, bank-bank ini adalah milik asing. Jumlah ekuiti bagi 22 buah bank tempatan pada akhir bulan Disember 1984 adalah sebanyak \$2,615.2 juta. Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun dan perbadanan yang dimiliki oleh Kerajaan memiliki \$1,639.8 juta atau 62.7 peratus daripada jumlah tersebut, sementara sebanyak \$344.3 juta lagi atau 13.2 peratus adalah dimiliki oleh Bumiputera. Warganegara Malaysia bukan bumiputera memegang sebanyak \$410.3 juta atau 15.7 peratus, sementara bakinya sebanyak \$220.8 juta atau 8.4 peratus adalah dipegang oleh orang-orang asing.

### PROJEK HIDRO BAKUN

**18. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setakat sekarang adakah Kerajaan bercadang untuk mengimplimentasikan Hydro di Bakun. Jika ya,

- (a) pernahkah Kementerian bertanggungjawab mengadakan mesyuarat dengan Jawatankuasa Kemajuan Daerah Belaga (JKDB), yang ditubuhkan pada tahun 1978 dan diwakili oleh semua Tua

Kampung di daerah Belaga dan para ahli Politik yang mewakili kawasan itu;

- (b) adakah Kementerian bertanggungjawab pada masa sekarang sudah mengenalpastikan tempat untuk memindahkan penduduk-penduduk yang terlibat. Jika ya, berapa tahunkah sebelum Hydro itu diimplimentasikan, rumah-rumah dan skim-skim akan bermula; dan
- (c) adakah Kementerian bertanggungjawab bersedia untuk menubuhkan "Jawatankuasa Khas" (State Action Committee) di peringkat negeri yang diwakili oleh kakitangan Kerajaan Negeri dan ahli-ahli Politik kawasan tersebut.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Projek Hidro Bakun kini masih dalam kajian dan Kerajaan Persekutuan belum lagi membuat keputusan mengenai pelaksanaannya. Kajian kewangan bagi membiayai projek tersebut sedang dijalankan. Walau bagaimanapun Kerajaan telah bersetuju pada prinsipnya supaya sebuah Jawatankuasa peringkat tinggi ditubuhkan untuk mengawas dan menyelaras segala aktiviti dalam mengimplimentasikan projek itu kalaulah Kerajaan membuat keputusan muktamad kelak untuk projek Hidro Elektrik Bakun dilaksanakan. Jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahlinya akan terdiri daripada YAB Ketua Menteri Sarawak dan beberapa orang Menteri Persekutuan. Jawatankuasa itu akan juga mengandungi pegawai-pegawai kanan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Sekiranya projek Hidro Bakun itu dipersetujui untuk dilaksanakan, Jawatankuasa itu akan meneliti berbagai-bagai isu yang

bersabit dengan pelaksanaan projek, termasuk soal penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dan perlu dipindah akibat daripada pelaksanaan projek Bakun itu.

### MAS—RANCANGAN PENSWASTAAN

**19. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan butir-butir penting tentang rancangan penswastaaan MAS. Adakah penerbangan-penerbangan dalam negeri akan diswastakan, dan MAS tertumpu kepada penerbangan luar negeri.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Pihak perunding yang telah dilantik untuk menyediakan cadangan-cadangan berhubung dengan rancangan penswastaaan MAS baru saja menyiapkan laporannya. Laporan perunding ini yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan akan memerlukan kajian serta pertimbangan-pertimbangan daripada pihak Kerajaan. Oleh yang demikian buat masa ini butir-butir mengenai rancangan penswastaaan tersebut tidaklah dapat saya maklumkan pada masa ini kerana Kerajaan memerlukan masa untuk meneliti syor-syor yang dibuat oleh pihak perunding dan menimbangkan sebelum membuat keputusan-keputusan.

### JENAYAH ANTARA PEMUDA- PEMUDI

**20. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kadar jenayah di antara pemuda-pemudi di bandar besar semakin teruk dan serius dan apakah sebab-sebabnya, dan apakah langkah-langkah pencegahan yang akan diambil untuk mengelakkan kadar jenayah-jenayah di antara pemuda-pemudi di bandar daripada menjadi-jadi.

**Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian jenayah di kalangan pemuda dan pemudi adalah menjadi satu fenomena di seluruh dunia terutama di bandar-bandar besar dan negara kita tidak terkecuali dari fenomena ini. Namun begitu pada keseluruhannya keadaan di negara kita tidaklah membimbangkan.

Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab sentiasa memberi perhatian yang berat dalam masalah ini serta mengambil tindakan pencegahan melalui strategi-strategi yang sesuai yang boleh mencegahnya dari merebak.

### KAMPUCHEA—LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

**21. Tuan V. Govindaraj** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau akan melawat Negeri China, serta adakah pihak Y.A.B. membincangkan isu Negeri Kampuchea sebagai isu utama dengan Kerajaan China dalam lawatan beliau ke negara China.

**Perdana Menteri:** Saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bruas pada 10-4-85 dan Sandakan pada 11-4-85 kerana soalan ini adalah bertujuan yang sama.

Sebagaimana saya telah memberitahu para pemberita pada bulan Februari, 1985, lawatan saya ke negeri China akan dilakukan pada penghujung tahun ini. Jemputan lawatan ini telah pun disampaikan kepada saya oleh Perdana Menteri China semasa lawatan beliau ke Malaysia pada tahun 1981.

Berhubung dengan perkara-perkara perbincangan, saya bukan sahaja akan menyentuh soal Kampuchea tetapi akan menimbulkan isu-isu dua hala, antara lain hubungan parti CCP dengan CPM dan hubungan ekonomi

dan perdagangan dengan RRC. Di dalam konteks hubungan ekonomi dan perdagangan dengan RRC, saya ingin melihat banyak lagi barangan buatan Malaysia dapat dieksportkan ke RRC untuk memperbaiki imbalan perdagangan dan di samping itu menggalakan penyertaan orang-orang Malaysia di dalam usaha pembangunan RRC yang mendatangkan manfaat kepada Malaysia.

#### LAPANGAN TERBANG BINTULU— PROJEK

**22. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Lapangan Terbang Bintulu di Sarawak akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Pada masa ini projek pembangunan Lapangan Terbang Baru Bintulu adalah di dalam peringkat kerja-kerja penyediaan pelan induk dan rekabentuk awal. Kerja-kerja penyediaan pelan induk dan rekabentuk awal dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1985.

Pelaksanaan projek ini seterusnya adalah tertakluk kepada Laporan Pelan Induk dan Rekabentuk Awal daripada pihak Juruperunding berkenaan. Walau bagaimanapun tindakan sedang diambil untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi membolehkan projek tersebut dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

#### YURAN PENUNTUT LUAR NEGERI DI AUSTRALIA

**23. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kedua-dua Kerajaan British dan Australia telah baru-baru ini

menyatakan bahawa mereka akan menaikkan yuran bagi penuntut di luar negeri dan jika ya, apakah langkah Kerajaan yang telah diambil untuk memujuk mereka jangan berbuat demikian memandangkan faktor bahawa kita mempunyai ramai penuntut di kedua-dua negara itu.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Kerajaan memang sedar bahawa Kerajaan Australia hendak menaikkan yuran bagi pelajar-pelajar yang datang dari negara-negara luar. Kerajaan kita telah pun mengadakan rundingan pada peringkat Ketua Kerajaan dengan Kerajaan Australia mengenai perkara ini dengan tujuan mendesak Kerajaan tersebut menimbangkan semula perkara yang berkenaan.

#### SYARIKAT SOGOSHOSHA

**24. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi satu senarai nama sogoshosha-sogoshosha atau perbadanan-perbadanan perdagangan umum Malaysia yang besar yang sedang menjalankan perusahaan mereka. Sejauh mana kejayaan mereka setakat ini. Adakah Kerajaan sedar bahawa berbagai bantuan dan keutamaan yang diberi oleh kerajaan kepada sogoshosha-sogoshosha ini sedang mendatangkan kesan-kesan yang kurang baik terhadap pengeksport-pengeksport yang tradisional di negara kita dan mungkin tidak akan membantu sogoshosha-sogoshosha ini supaya dapat berdiri atas kaki mereka sendiri dalam jangka panjang. Sekiranya ya, apakah langkah-langkah yang kerajaan bercadang mengambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan bahagian pertama Yang Berhormat Dr

Koh Tsu Koon 'oleh kerana saya telah pun menjawabnya semasa menjawab soalan Yang Berhormat Dr Chen Man Hin pada 2hb April, 1985.

Untuk menjawab soalan bahagian kedua Yang Berhormat ingin saya menegaskan juga bahawa walaupun Kementerian saya sentiasa memandang berat terhadap pertubuhan ala sogoshosha serta memberi kerjasama sepenuhnya, tetapi sehingga kini kerajaan belum memberi apa-apa keistimewaan kepada sogoshosha. Malah Kerajaan sentiasa mengingatkan pihak sogoshosha untuk menunjukkan prestasi masing-masing sebelum minta bantuan atau keistimewaan dari kerajaan.

Jadi berdasarkan kepada ini adalah tidak benar bahawa kerajaan telah memberi keistimewaan kepada sogoshosha dan tidak ada bukti bahawa kerjasama kerajaan dengan pihak sogoshosha menjelaskan para pengeksporth tradisional.

Adalah penting bagi Yang Berhormat mengetahui bahawa ketika ini kerajaan sentiasa menyeru sogoshosha supaya memberi kerjasama dan bantuan kepada pengeksporth-tradisional dalam meningkat eksport mereka serta menerokai ke pasaran baru.

#### CUKAI LESEN KENDERAAN

25. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerianya akan menimbang menurunkan cukai lesen kenderaan (Road Tax) memandangkan bahawa Kerajaan telah memulakan pungutan TOL di lebuh raya-lebuh raya di Semenanjung Malaysia.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Kerajaan tidaklah bercadang untuk menurunkan cukai jalan ke atas kenderaan-kenderaan bermotor

semata-mata atas alasan adanya sumber hasil dari kutipan tol. Ini memandangkan bahawa cukai jalan adalah merupakan suatu daripada sumber hasil Kerajaan yang penting.

#### GRADUAN UNIVERSITI TEMPATAN YANG MENGGANGGUR

26. **Datuk Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar yang ramai pelajar MARA dan mereka yang tamat pengajian di universiti tempatan masih belum lagi mendapat apa-apa pekerjaan terutama sekali di Sarawak; dan

(b) sekiranya beliau sedar apakah sebab-sebab pengangguran di kalangan mereka ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan sedar memang ada graduan-graduan dan pelajar-pelajar kelulusan institusi pengajian tinggi yang terpaksa menunggu beberapa waktu untuk mendapatkan pekerjaan. Pengeluaran para graduan dan pelajar-pelajar ini adalah mengikut perancangan pelajaran, tetapi oleh kerana keadaan ekonomi yang meleset, pengangguran tidak dapat dielakkan.

#### MAS—PERKHIDMATAN KE KERTEH

27. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau mempunyai cadangan supaya MAS mengadakan perkhidmatan penerbangan ke Kerteh, Terengganu dengan menggunakan kemudahan lapangan terbang yang ada sekarang, jika ada, bila, jika tidak mengapa. Bilakah pula pihak MAS hendak menjadikan mana-mana lapangan terbang yang terdapat di Pantai Timur sebagai salah satu pintu masuk ke negara ini.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Ingin saya memaklumkan bahawa MAS, pada masa ini, tidak ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan ke Kerteh, Terengganu memandangkan bahawa terdapat perkhidmatan ke Kerteh dari Kuala Lumpur tiap-tiap hari yang dikendalikan oleh Malaysia Air Charter (MAC).

Pada masa ini terdapat 4 buah Lapangan Terbang Antarabangsa di negara ini sebagai pintu masuk ke negara kita iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching. Oleh yang demikian, Kerajaan belum ada cadangan untuk mengadakan Lapangan Terbang Antarabangsa yang lain memandangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa yang ada sekarang ini akan dapat memenuhi keperluan penerbangan-penerbangan antarabangsa. Perjalanan ke kawasan-kawasan lain di negara ini boleh diadakan dengan penerbangan sambungan daripada pintu-pintu masuk tersebut.

#### **JAWATANKUASA HARAM-HALAL MAKANAN**

**28. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana bidang kuasa diberi kepada jawatankuasa Haram-Halal Makanan yang baru ditubuh dan sebutkan nama-nama mereka.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Induk Mengkaji Bahan-bahan Makanan Halal/Haram di mana bidang kuasanya sedang dikaji untuk meliputi kuasa pengawasan, undang-undang dan lain-lain yang difikirkan perlu selaras dengan Ordinan Jualan Makanan dan Dadah (1952).

**Bidang Tugas:**

Bidang tugas utama Jawatankuasa induk ini ialah untuk mengemukakan Laporan Keputusan

kajian kepada pihak tertentu bagi mendapat keputusan muktamad di segi hukum dan mengesyorkan untuk diambil tindakan selanjutnya. Lain-lain tugas meliputi:

1. Membentuk dan menyediakan garis panduan untuk diikuti oleh pengusaha-pengusaha barang makanan yang digunakan.
2. Menentukan tugas Jawatankuasa dan bidang kuasanya dari semasa ke semasa.
3. Menimbang dan memberi perakuan terhadap keputusan kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa terhadap barang halal/haram.
4. Menyiapkan anggaran peruntukan belanjawan bagi keperluan Jawatankuasa teknikal untuk ditimbang oleh Bahagian Agama, JPM.

Nama Ahli Jawatankuasa Yang Berjalan Sekarang ialah:

- |  |           |
|--|-----------|
| 1. Tuan Haji Mohd. Shahir bin Abdullah,<br>Pengerah,<br>Pusat Penyelidikan Islam,<br>Blok K26, Jalan Duta,<br>Kuala Lumpur.  | Pengerusi |
| 2. Dr Haji Mohd. Sadek bin Nazardin,<br>Ketua Kursus Diploma<br>Teknologi Makanan,<br>Kajian Sains Gunaan,<br>Institut Teknologi<br>MARA,<br>Shah Alam,<br>Selangor. | Ahli      |
| 3. Dr Abd. Hamid bin Abd. Hadi,<br>Jabatan Kimia Fakulti<br>Sains,<br>Universiti Malaysia,<br>Jalan Lembah Pantai,<br>Kuala Lumpur.                                  | Ahli      |
| 4. Dr Osman bin Hassan,<br>Timbalan Ketua Sains<br>Makanan dan Pemakanan,<br>Fakulti Sains Hayat,<br>Universiti Kebangsaan<br>Malaysia,<br>Bangi,<br>Selangor.       | Ahli      |

- |  |      |   |                      |
|--|------|---|----------------------|
| 5. Puan Maimunah Yeop Kamaruddin,<br>Jabatan Kimia Malaysia,<br>Petaling Jaya,<br>Selangor.  | Ahli | 13. Encik Haji Sutjono bin Masut,<br>Jabatan Agama Islam<br>Selangor,<br>Tingkat 2, Posium Utama,<br>Bangunan Sultan<br>Salahuddin Abdul Aziz<br>Shah,<br>Shah Alam,<br>Selangor. | Ahli                 |
| 6. Dr Abu Bakar bin Haji Hussin,<br>Bahagian Teknologi<br>Makanan,<br>MARDI, Serdang,<br>Selangor.   | Ahli | 14. Encik Abdul Jalil Sindring,<br>Jabatan Agama Islam<br>Wilayah Persekutuan,<br>19, Jalan Raja,<br>Kuala Lumpur.  | Ahli                 |
| 7. Dr Suhaila binti Mohamad,<br>Jabatan Sains Makanan,<br>Fakulti Sains dan<br>Teknologi Makanan,<br>Universiti Pertanian<br>Malaysia,<br>Serdang,<br>Selangor.              | Ahli | 15. Encik Abdul Halim bin Haji Saad,<br>Pusat Penyelidikan Islam,<br>Blok K26, Jalan Duta,<br>Kuala Lumpur.   | Bahagian<br>Urusetia |
| 8. Y. B. Dato' Haji Kardin bin Haji Shukur,<br>Timbalan Ketua<br>Pengarah,<br>Perkhidmatan Haiwan,<br>Kementerian Pertanian<br>Malaysia,<br>Jalan Mahameru,<br>Kuala Lumpur. | Ahli | 16. Encik Ghazali bin Abdul Aziz,<br>Pusat Penyelidikan Islam,<br>Blok K26, Jalan Duta,<br>Kuala Lumpur.  | Bahagian<br>Urusetia |
- INSTITIUT PENYELIDIKAN  
MINYAK KELAPA SAWIT (PORIM)**
- 29. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:
- (a) apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) dalam mempelbagaikan penggunaan minyak kelapa sawit sama ada bagi kegunaan dalam dan luar negeri dan juga pemasarannya ke luar negeri; dan
- (b) bagaimana pula hasil penyelidikan untuk memper-tingkatkan penggunaan bahan-bahan buangan kelapa sawit sehingga kini.
- Dato' Paul Leong Khee Seong:**
- (a) Perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) dalam mempelbagaikan penggunaan minyak kelapa sawit

dalam dan luar negeri dan juga pemasarannya ke luar negeri adalah seperti berikut:

- (i) Malaysia telah dianggap sebagai pusat perkembangan teknologi yang paling maju di dalam industri kelapa sawit dunia;
- (ii) Peningkatan dan pelbagai penggunaan minyak kelapa sawit bererti kerajaan telah berjaya mencapai hasratnya dalam memajukan satu industri berasaskan pertanian yang mana telah dianggap sebagai satu kejayaan yang luar biasa di bidang pertanian dunia;
- (iii) Peningkatan dan perluasan bidang penggunaan minyak kelapa sawit telah membolehkan bahan tersebut mencapai taraf penggunaan yang "versatile";
- (iv) Minyak kelapa sawit Malaysia telah berupaya memasuki pasaran minyak dan lemak dunia dengan jayanya dan mendapat sambutan baik dari para pengguna serta mengatasi saingan-saingan hebat dari lain-lain minyak dan lemak;
- (v) Dari segi pasaran dalam negeri hampir keseluruhan penggunaan yang berasaskan minyak dan lemak telah diambil alih oleh minyak kelapa sawit, umpamanya, perangkaan penggunaan minyak masak dalam tahun 1984 menunjukkan sebanyak 216,000

tonne minyak kelapa sawit telah digunakan berbanding dengan sebanyak 3,000 tonne minyak jagung dan sebanyak 1,000 minyak soya.

Dari perkara-perkara di atas jelaslah iaitu satu kejayaan yang cemerlang telah dapat dicapai oleh industri minyak kelapa sawit dalam tempoh masa yang singkat. Dalam masa itu juga PORIM telah memperolehi penghargaan yang tinggi sebagai satu Instituit Penyelidikan bertaraf antarabangsa di bidang minyak dan lemak dunia dan reputasi ini telah membolehkan PORIM memperolehi sokongan moral dan material dari badan-badan terkemuka di dalam dan di luar negeri.

- (b) Di bidang bahan-bahan buangan kelapa sawit pula, sehingga kini hasil penyelidikan untuk mempertingkatkan penggunaannya telah menunjukkan iaitu bahan-bahan tersebut dapat digunakan ataupun mempunyai potensi untuk kegunaan yang mendatangkan faedah atau hasil. Umpamanya tandan-tandan kosong, tempurung kelapa sawit dan hampas telah digunakan semula sebagai bahan bakar di kilang-kilang kelapa sawit. Selain daripada itu bahan buangan cair (effluen) telah didapati amat sesuai ditukarkan kepada biogas untuk penjaan elektrik. Bahan sampingan/buangan boleh juga digunakan untuk pengeluaran baja, cendawan (jenis *Agaricus*), makan haiwan ternakan, solid-fuel, activated-carbon, palpa dan kertas, papan panel, papan serpai dan kayu simin. Vitamin "E" juga boleh dikeluarkan dari daun-daun kelapa sawit.

Kejayaan-kejayaan penyelidikan yang saya gariskan di sini adalah di antaranya yang boleh menghasilkan pelbagai penggunaan dan seterusnya menjamin kedudukan industri kelapa sawit sebagai sebuah "sunshine industry" di Malaysia.

#### PERDAGANGAN LUAR— PENCAPAIAN

**30. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai dalam perdagangan luar negara sepanjang tahun 1984 dengan menyatakan statistik pengeksporan dan pengimportan barang yang mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara kita dalam tahun tersebut.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah pun menjawab soalan ini semasa memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit pada 27hb Mac, 1985. Oleh itu tidaklah perlu bagi saya mengulangi jawapan itu di sini.

#### SETIAUSAHA AGUNG PBB— PERBINCANGAN PERDANA MENTERI

**31. Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkara-perkara penting yang telah dibincangkan dengan Setiausaha Agung PBB semasa lawatan beliau ke negara kita baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Encik Javier Perez de Cuellar, telah membuat lawatan ke Malaysia dari 1-3hb Februari tahun ini dengan diiringi oleh isteri beliau dan pegawai-pegawai kanan PBB. Lawatan Encik de Cuellar ke Malaysia adalah dalam

konteks lawatan beliau yang pertama sebagai Setiausaha Agung PBB ke rantau Asia Tenggara dan Pasifik.

Semasa di Kuala Lumpur. Encik de Cuellar telah bertukar-tukar fikiran dengan saya mengenai beberapa perkara yang penting kepada negara kita, terutama yang berhubung dengan masalah Kampuchea, dadah dan Antarctica.

Mengenai Kampuchea, Encik de Cuellar telah memberi taklimat dan penilaian mengenai hasil perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin Thailand, Kampuchea, Vietnam dan Laos semasa beliau melawat negara-negara Thailand, Laos dan Vietnam sebelum ke Malaysia. Saya telah mengalu-alukan usaha-usaha Setiausaha Agung PBB itu dalam mencari penyelesaian politik yang awal kepada masalah Kampuchea dan memaklumkan bahawa Malaysia akan menilai perkembangan baru hasil dari lawatan Encik de Cuellar itu.

Mengenai dadah pula, kami telah membincangkan mengenai usaha-usaha Malaysia untuk membentasi masalah dadah dan Encik de Cuellar telah memberi jaminan beliau untuk memberi kerjasama di peringkat antarabangsa.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menekankan sekali lagi pendirian dan objektif-objektif Malaysia untuk menjadikan Antarctica sebagai warisan bersama seluruh umat manusia. Encik de Cuellar juga telah memberi taklimat mengenai perkembangan terbaru dan usaha-usaha beliau untuk mencari penyelesaian kepada masalah Cyprus dan Lubnan.

Pada keseluruhannya, lawatan Setiausaha Agung PBB itu ke Malaysia dan ke rantau ini telah membuka peluang untuk beliau bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin di rantau ini dan

untuk melibatkan diri secara langsung dengan masalah-masalah yang kita hadapi.

### CAVE-IN DI LEBUHRAYA

**32. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kerjaraya nyatakan sama ada kedua-dua laporan yang diterimanya mengenai "Cave-in" yang berlaku sepanjang lebuh raya Segamat yang dibina dengan harga \$142 juta dan lebuh raya Bahau-Keratong yang dibina dengan harga \$35 juta akan diumumkan kepada orang ramai; jika tidak mengapa.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Saya ingin menjelaskan tidak ada berlakunya "Cave-in" di sepanjang lebuh raya-lebuh raya Kuantan-Segamat dan Bahau-Keratong. Sebenarnya, kerosakan yang berlaku ialah kerosakan keruntuhan tebing (embankment failure) di lebuh raya Kuantan-Segamat dan kerosakan "pavement" (pavement failure) di lebuh raya Bahau-Keratong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerosakan keruntuhan tebing di lebuh raya Kuantan-Segamat hanya berlaku di dua tempat sahaja akibat dari hujan lebat pada musim tengkujuh tahun 1984. Kerosakan itu telah diperbaiki pada tahun 1984 dengan belanja sebanyak \$450,000. Bagi lebuh raya Bahau-Keratong pula kerosakan itu disebabkan oleh lori-lori berlebihan muatan yang menggunakan jalan itu. Kerosakan itu berlaku di Km. 38.0 hingga Km. 61.0. Kini Jabatan Kerjaraya sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki bahagian lebuh raya yang rosak itu.

Kerja-kerja membaiki kedua-dua lebuh raya tersebut memerlukan tindakan biasa oleh Kementerian saya. Oleh itu, tidak ada laporan khas yang dibuat mengenai kerosakan tersebut yang hendak diumumkan kepada orang ramai.

### PELAJAR IKUTI LATIHAN TENTERA

**33. Tuan Ibrahim Azmi Hassan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelajar-pelajar Malaysia di luar atau dalam negeri boleh menjalani latihan tentera di mana-mana Negara semasa cuti-cuti panjang tanpa kebenaran Kerajaan, adakah Kerajaan sedar bahawa ada terdapat setengah-setengah Pelajar Malaysia di luar Negeri yang mengambil peluang semasa cuti panjang untuk pergi ke setengah-setengah Negara lain kerana menjalani latihan tentera; maka adakah langkah-langkah seperti itu suatu yang digalakkan oleh Kerajaan dan apakah pandangan Kerajaan dalam perkara ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan tidak ada bukti konkrit tentang pelajar-pelajar Malaysia di luar atau di dalam negeri menjalani latihan tentera di negara-negara asing. Kerajaan tidak membenarkan pelajar-pelajar kita mengikuti kursus tentera seperti Y.B. maksudkan. Latihan tentera sama ada di dalam atau di luar negeri mestilah dengan pengetahuan dan kululusan Kerajaan.

### PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

**34. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan, berapakah anggaran perbelanjaan bagi membina Perpustakaan dan Asrama Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di kampus sementara UIA Petaling Jaya dan bilakah kedua-dua bangunan itu dapat digunakan. Berapa ramai penuntut boleh ditempatkan di asrama tersebut. Sehingga sekarang sebanyak manakah sumbangan derma yang telah diberikan oleh tiap-tiap negara Islam dan pertubuhan-pertubuhan Islam.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Anggaran kos bagi membina Perpustakaan di kampus sementara Universiti Islam Antarabangsa ialah \$4.55 juta. Anggaran kos bagi membina asrama pula ialah \$10 juta.

Bangunan Perpustakaan dijangka akan dapat digunakan pada akhir

(a) Kerajaan Saudi Arabia .. .. .	US\$1,000,000
(b) Kerajaan Kuwait .. .. .	US\$500,000
(c) Kerajaan Pakistan .. .. .	M\$16,930 setahun dalam bentuk buku-buku selama 5 tahun
(d) Kerajaan Republic Indonesia .. .. .	US\$5,000
(e) Kerajaan Amir of Qatar .. .. .	US\$10,000

#### **POLIS KONSTABEL— KENAIKAN GAJI**

**35. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jenis kenaikan yang telah diberikan kepada anggota-anggota polis oleh Kementerian Dalam Negeri sesuai dengan pengumuman-pengumuman Yang Berhormat Menteri berkenaan semasa menghadapi Pilihanraya Kecil di Kelantan (Kemumin dan Selising 1983) dahulu sama ada gajinya atau elaunnya dan berapa jumlah kenaikan bagi setiap anggota mengikut pangkatnya yang telah dibayar (dilaksanakan) sekarang ini.

**Dato Musa Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri di Kelantan pada tahun 1983 yang lalu hanya mengenai kenaikan gaji permulaan anggota polis berpangkat konstabel sahaja. Kenaikan tersebut ialah dari \$270.00 kepada \$300.00 sebulan dan berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1983.

tahun 1985. Pembinaan Asrama pula dijangka siap pada akhir tahun 1987 dan akan dapat menempatkan seramai 767 orang pelajar.

Sehingga sekarang derma-derma yang telah diterima dari negara-negara Islam dan pertubuhan-pertubuhan Islam adalah seperti berikut:

#### **POLARISASI AGAMA**

**36. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar penegasan terlalu lebih ke atas Islamisasi di negara ini akan mewujudkan ketakutan dan ketidakpuashatian di kalangan orang-orang bukan Islam yang juga akan menjejaskan perpaduan rakyat dalam sebuah negara majmuk yang mengandungi pelbagai agama; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut untuk memastikan polarisasi agama tidak akan wujud di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Kerajaan memangnya sedar bahawa ada pihak-pihak yang tersalah faham dan merasa curiga mengenai langkah-langkah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara yang diamalkan sekarang ini. Oleh kerana salah faham itu, maka ada pihak-pihak, termasuk Ahli Yang Berhormat itu, yang menganggap usaha-usaha Kerajaan yang baik itu sebagai proses yang

menakutkan. Sesungguhnya, anggapan yang mengatakan Kerajaan sedang dalam proses pentadbiran negara dengan cara yang menakutkan adalah tidak tepat sama sekali. Di sebaliknya, kalau tidak kerana cara menjalankan proses seperti sekarang, orang-orang bukan Islam akan hidup dalam ketakutan.

Apa yang Kerajaan tekankan hanya menerapkan nilai-nilai Islam yang boleh dijadikan panduan atau contoh dalam meningkatkan mutu kerja dan pentadbiran supaya rancangan-rancangan Kerajaan dapat berjalan dengan berkesan dan selaras dengan prinsip Bersih, Cekap dan Amanah. Berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam, suka saya nyatakan sekali lagi bahawa tumpuan diberi kepada nilai-nilai seperti keadilan, hormat-menghormati, kesungguhan, dedikasi dan kecekapan bekerja, kejujuran, toleransi dan nilai-nilai lain yang sememangnya bersifat universal. Nilai-nilai itu tidak bercanggah dengan keadaan alam persekitaran hidup masyarakat majmuk Malaysia.

Usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia kerana telah jelas tercatat bahawa Islam ialah agama rasmi negara ini. Usaha-usaha Kerajaan tidak menyentuh apa-apa kepentingan dan kepercayaan agama lain. Oleh itu, penganut-penganut agama lain tidak harus merasa gelisah atau risau kerana langkah-langkah Kerajaan tidak akan menjejaskan hak asasi mereka malah Perlembagaan Malaysia telah memberi jaminan mengenai soal kebebasan mereka mengamalkan kepercayaan dan agama masing-masing.

#### **RUMAH KOS RENDAH— PERBELANJAAN**

**37. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan unit rumah kos rendah yang telah disediakan oleh

sektor awam dan swasta di dalam tempoh daripada tahun 1980 hingga masa kini, berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan dan berapakah kosnya seunit. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan. Apakah sebab-sebab kemunduran sektor awam serta swasta di dalam bidang ini.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan bagi program perumahan awam kos rendah adalah dilaksanakan mengikut sesuatu Rancangan Malaysia. Dengan yang demikian, saya akan menumpukan jawapan saya kepada tempoh Rancangan Malaysia Keempat, mulai daripada tahun 1981 sehingga laporan akhir yang terdapat pada masa kini.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) sebanyak 176,500 unit rumah awam kos rendah telah disasarkan untuk sektor awam, manakala sasaran bagi sektor swasta pula telah ditetapkan sebanyak 90,000 unit. Sehingga 31hb Disember, 1984, sebanyak 57,090 unit (32.4%) telah dapat disiapkan oleh sektor awam sementara bakinya adalah di berbagai peringkat pelaksanaan seperti berikut:

Jumlah unit dalam peringkat pembinaan bangunan	23,114 (13.1%)
Jumlah unit dalam peringkat pelaksanaan awal	76,933 (43.6%)
Jumlah unit yang belum dimulakan	9,328 (5.32%)

Bagi sektor swasta pula, sehingga 30hb Jun, 1984, sebanyak 14,288 unit ataupun 15.9% daripada sasaran sektor ini telah dapat disiapkan.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, kos seunit rumah awam kos rendah adalah dianggarkan antara \$18,000 hingga \$25,000. Kos ini adalah berbeza daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain dan dari tahun ke setahun, tertakluk kepada perubahan

harga bahan binaan, harga tanah, bayaran upahan dan pengaruh inflasi.

Jumlah peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk program perumahan awam kos rendah bagi semua negeri ialah \$1,080,426,010. Setakat 18hb Mac, 1985, sebanyak \$990,772,567 (91.7%) telah dikeluarkan untuk melaksanakan sebanyak 68,257 unit di seluruh negara.

Pada keseluruhannya, prestasi program perumahan awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat telah sedikit sebanyak terjejas oleh keadaan kemelesetan ekonomi negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sepertimana yang berlaku terhadap sektor-sektor lain, industri perumahan di negara ini terutama sekali di sektor swasta turut mengalami kesan-kesan negatif daripada kemelesetan ekonomi tersebut.

Sungguhpun peratus pencapaian berbanding dengan sasaran adalah agak rendah, pencapaian dari segi bilangan unit sebenar yang siap dibina (57,090 unit) setakat 31hb Disember, 1984 telah melebihi dua kali ganda pencapaian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (26,250 unit) bagi sektor awam.

### PROJEK INDUSTRI YANG DILULUSKAN

**38. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan dan nilai projek-projek industri yang diluluskan bagi tahun 1980 hingga 1984;
- (b) bilangan projek dan nilainya yang telah menampakkan pembinaan bangunan kilang atau memulakan pengeluarannya sehingga hari ini; dan

- (c) ramalan terhadap bilangan dan nilai projek yang akan dilancarkan pada 1985.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**  
Dari tahun 1980 sehingga 1984 sebanyak 2,818 projek perindustrian telah diluluskan oleh Kementerian saya, melibatkan cadangan pelaburan modal sebanyak \$20,598.2 juta yang mana cadangan modal dibayar adalah sebanyak \$7,222.4 juta dan cadangan pinjaman adalah sebanyak \$13,375.8 juta. Dari jumlah ini sebanyak 923 projek telah memulakan pengeluaran mereka, manakala 163 projek lagi di dalam berbagai peringkat pelaksanaan seperti peringkat pembinaan kilang, pemasangan mesin dan sebagainya. Bagi projek-projek yang sedang beroperasi, pelaburan modal yang telah dibelanjakan ialah sebanyak \$3,974.3 juta sementara bagi projek-projek yang sedang di dalam pelaksanaan, adalah dijangka akan melibatkan pelaburan modal sebanyak \$4,701 juta.

Adalah sukar membuat ramalan terhadap bilangan dan nilai projek-projek yang akan dilancarkan pada tahun 1985 oleh kerana ini adalah bergantung kepada beberapa faktor. Tambahan pula tidak terdapat aliran yang tertentu mengenai kenaikan dan penurunan di dalam bilangan dan nilai projek-projek yang diluluskan pada tahun-tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan projek-projek yang telah diluluskan pada bulan Januari dan Februari, 1985 adalah 127, berbanding dengan 110 untuk tempoh yang sama dalam tahun 1984. Jumlah cadangan pelaburan modal dalam projek-projek yang telah diluluskan dalam bulan Januari dan Februari, 1985 adalah \$939.6 juta, berbanding dengan \$295.5 juta dalam projek-projek yang telah diluluskan pada bulan Januari dan Februari 1984.

### UCAPAN PERDANA MENTERI DI BANGSA-BANGSA BERSATU

**39. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hasil dari ucapan Y.A.B. Perdana Menteri di PBB pada 10hb Oktober, 1984 yang lalu mengenai negara kita.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Y.A.B. Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan di Sessi yang ke 39 Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 10hb Oktober, 1984 yang lalu dan ucapan beliau itu telah mendapat perhatian serta reaksi yang amat baik dari kebanyakan negara-negara ahli yang menghadiri Perhimpunan tersebut dan dari Setiausaha Agong PBB sendiri melalui surat beliau yang mengucapkan terima kasih atas kehadiran Y.A.B. Perdana Menteri itu.

Dalam ucapan Y.A.B. Perdana Menteri, beliau telah mengutarakan sokongan yang teguh terhadap PBB dan telah menyeru agar semua negara-negara ahli PBB terus menaruh kepercayaan kepada PBB demi untuk mengukuhkan lagi badan dunia tersebut. Di samping itu Y.A.B. Perdana Menteri telah memberi pandangan, teguran dan saranan-saranan terhadap pelbagai isu antarabangsa seperti Kampuchea, Palestine, apartheid, Antarctica, perlucutan senjata, keadaan ekonomi dunia dan kebangkitan Islam masa kini, dan ini telah mendapat sokongan dari negara-negara Dunia Ketiga, khususnya dari negara-negara Islam. Tentu juga ada terdapat negara-negara yang tidak menyetujui pendapat-pendapat yang telah diutarakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kerana ianya bertentangan dengan pendirian negara-negara tersebut. Apa yang penting, ialah ucapan tersebut dapat membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa

Malaysia mempunyai pendirian-pendirian yang tegas mengenai isu-isu antarabangsa selaras dengan prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan memberi sokongan kuat kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta sentiasa bersedia untuk bersama-sama mencari penyelesaian kepada masalah-masalah antarabangsa.

Dalam sepucuk surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Setiausaha Agong PBB telah mengucapkan terima kasih beliau di atas sokongan Malaysia terhadap PBB dan menganggap bahawa sokongan sedemikian menguatkan lagi azam beliau dan juga badan dunia itu untuk terus berkhidmat untuk menjaga keamanan dunia.

Pada keseluruhannya, ucapan Y.A.B. Perdana Menteri itu telah dapat meningkatkan lagi persepsi negara-negara lain terhadap Malaysia.

### BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE—PINJAMAN KEPADA KEVIN HSU

**40. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman yang diberikan oleh Bumiputra Malaysia Finance kepada Kevin Hsu dan kumpulan syarikat-syarikatnya, dan kedudukan hutang-hutang Kevin Hsu dan syarikat-syarikatnya itu ini dan sama ada Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Nordin akan diminta menyiasat ke dalam pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Kevin Hsu, dan jika tidak, mengapa.

*(Sila lihat Jawapan No. 35 pada 27-3-85).*

### MAS—KONSESI CUKAI KEPADA PENUMPANG

**41. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan konsesi cukai yang diberi kepada

penumpang-penumpang yang menggunakan MAS untuk keluar negeri memandangkan terdapat bantahan daripada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain dan sama ada ini akan menjejaskan perbincangan antara MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mendapatkan penerbangan dan hak-hak pendaratan tambahan.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Perkara yang dimaksudkan oleh Y.B. itu ialah mengenai peraturan cukai bagi penumpang-penumpang yang menerima tambang percuma dari pihak majikan mereka.

Saya suka menerangkan bahawa di bawah peraturan ini, penumpang-penumpang ini boleh diberi pengecualian cukai dengan syarat mereka menggunakan MAS. Dalam peraturan ini kita juga membenarkan penumpang-penumpang itu mendapat pengecualian cukai sungguhpun mengguna penerbangan asing asalkan tiketnya dikeluarkan oleh MAS. Oleh itu, peraturan yang ada sekarang adalah satu peraturan yang flexible kerana ia tidak menghalang penggunaan syarikat penerbangan lain dari MAS.

Walau bagaimanapun beberapa negara asing telah membuat bantahan atas peraturan ini kepada Kerajaan kita dan membangkitkan perkara ini dalam perundingan di antara MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan asing. Kerajaan Malaysia berasa sikap Kerajaan asing tentang perkara ini tidak munasabah kerana peraturan cukai ini adalah satu perkara yang berasingan dan tidak patut dikaitkan dengan perundingan penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara asing.

Kerajaan sedia menimbang dan mengkaji perkara ini sekiranya pihak penerbangan asing dapat memberi butir-butir dan alasan yang lengkap

kerugian dan untuk menerangkan apakah masalah yang dihadapi oleh pihak penerbangan asing dalam operasi mereka di Malaysia, di bawah peraturan cukai ini. Sekiranya maklumat ini dikemukakan kepada Kementerian saya, kami sedia memberi perhatian yang sewajarnya atas perkara ini.

#### MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN—PERUNTUKAN BANJIR

**42. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan meluluskan dengan seberapa segera yang boleh peruntukan wang yang dijanjikan tiga tahun dahulu kepada Majlis Perbandaran Seremban untuk mengatasi banjir, memandangkan berlakunya kerap kali banjir yang teruk di beberapa tempat di Seremban yang mengancam nyawa dan harta benda.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah sudi mengambil berat tentang pelaksanaan projek pembangunan di kawasan Penguasa Tempatan, khasnya bagi kawasan Majlis Perbandaran Seremban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengkaji tentang projek mengatasi banjir yang telah dibangkitkan, iaitu projek mendalam, melebar dan meluaskan Sg. Temiang di dalam kawasan Majlis Perbandaran Seremban. Projek ini telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada 18hb September, 1982, untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Peruntukan yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi pembinaan projek ini adalah sebanyak \$12 juta di bawah program bantuan kewangan kepada Penguasa

untuk membuktikan pendapat mereka bahawa mereka akan menanggung Tempatan. Peruntukan ini telah disalurkan kepada PK. 92—Rancangan Mencegah Banjir, yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair di bawah Program Kementerian Pertanian dan saya telah difahamkan bahawa pada tahun 1982 dan 1983, sebanyak \$1 juta telah diperuntukkan untuk kajian dan penyediaan pelan oleh Juruperunding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan sepenuhnya bagi pembinaan projek ini belum lagi dikeluarkan, memandangkan kepada masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

##### **RANG-UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan NMB Bab 45 dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah NMB Bab 6; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

##### **RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLEUM (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **USUL**

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.” (2hb April, 1985).

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Kementerian Buruh.

3.37 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh. Sehubungan dengan itu sukalah saya memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu secara am.

Pertama berkenaan dengan tenaga kerja. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usaha

untuk mengesan dan mengumpulkan maklumat berkenaan dengan keadaan pasaran buruh memang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Buruh. Pejabat-pejabat Pekerjaan sentiasa memberi khidmat di dalam mendaftarkan pencari-pencari kerja di seluruh negara. Mereka yang mendaftar di Pejabat-pejabat Pekerjaan ini kemudiannya disalurkan kepada firma-firma yang memerlukan tenaga kerja untuk ditemuduga dan diambil bekerja. Khidmat ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat. Pada tahun 1984 yang lalu seramai lebih kurang 20,000 para pencari pekerjaan yang mendaftar di Kementerian ini telah berjaya ditempatkan di pelbagai firma perusahaan. Kementerian Buruh akan melipat gandakan lagi usaha mengesan, mengenal dan menganalisa keadaan pasaran buruh dari masa ke semasa.

Setiap bulan data dan maklumat mengenai pendaftaran para pencari kerja dan penempatan-penempatan mereka sentiasa dikumpul dan dianalisa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rancangan latihan tenaga manusia, Kementerian Buruh telah mempunyai 5 buah Institut Latihan Perindustrian iaitu di Kuala Lumpur, Perai, Johor Bahru, Kuala Terengganu dan Labuan. Kelima-lima buah Pusat Latihan Perindustrian ini mampu mengeluarkan seramai 5,058 orang para pekerja mahir setiap tahun. Sebanyak lima buah Institut Latihan Perindustrian lagi akan dibangunkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima iaitu bertempat di Ipoh, Kuantan, Kota Bharu, Melaka dan Alor Setar. Kelima-lima buah pusat latihan yang bakal dibangunkan itu akan mengeluarkan seramai 3,134 orang para pekerja mahir setiap tahun. Ini bermakna menjelang tahun 1990 seramai 8,292 orang para pekerja

mahir mampu dikeluarkan oleh Institut-institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Buruh. Pusat-pusat latihan perindustrian ini menawarkan kursus-kursus di dalam bidang electrical, mechanical, pembinaan dan percetakan. Walau bagaimanapun memandangkan trend dan penumpuan ekonomi sekarang ke arah perindustrian berat dan teknologi tinggi kursus-kursus dan kemudahan latihan yang bercorak perindustrian berat dan teknologi tinggi sedang dirancangkan di pusat-pusat latihan yang bakal ditubuhkan itu nanti.

Bagi memenuhi keperluan latihan kemahiran peringkat teknologi tinggi dan perindustrian berat sebuah pusat latihan kemahiran yang bernama Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (SIAS) telah siap dibina dengan kerjasama Kerajaan Jepun. Pusat latihan ini yang bertempat di Shah Alam menawarkan kursus-kursus latihan kemahiran peringkat tinggi dengan menggunakan teknik pengajaran dan peralatan yang termoden. Pusat ini mampu mengeluarkan seramai 3,000 orang tenaga pekerja terlatih setiap tahun. Matlamat pusat ini ialah menyediakan kemudahan latihan kepada para pengajar dan penyelia-penyelia firma-firma perusahaan atau di institusi-institusi kemahiran supaya apabila mereka kembali ke firma-firma atau institusi-institusi latihan mereka nanti lebih ramai tenaga mahir dapat dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan kemudahan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang.

Kementerian saya sedar bahawa ada pekerja-pekerja ladang yang menghadapi masalah perumahan dan tanggungjawab menyediakan rumah-rumah untuk pekerja adalah

sebenarnya terletak kepada majikan-majikan ladang yang berkenaan itu sendiri. Walau bagaimanapun Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966 tidak memaksa majikan membekalkan perumahan kepada pekerja-pekerja mereka. Tetapi jikalau majikan membekalkan perumahan kepada pekerja-pekerja, undang-undang menghendaki pihak majikan mematuhi peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966. Pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya sering melawat ladang-ladang bagi tujuan pemeriksaan berkanun ataupun untuk menyiasat aduan jika terdapat masalah perumahan seperti atap bocor, lantai pecah, keadaan perumahan buruk atau kotor, bekalan

air tidak memuaskan dan sebagainya. Tindakan susulan akan diambil mengikut kehendak Akta tersebut. Memandangkan masalah perumahan adalah berbagai jenis maka tindakan mengatasinya secara berkesan hendaklah diambil melalui kerjasama semua pihak yang terlibat secara berterusan. Pada masa ini terdapat kira-kira seramai 390,730 orang pekerja-pekerja ladang dan orang-orang tanggungan mereka sedang menikmati kemudahan perumahan yang disediakan oleh majikan-majikan mereka.

Bilangan unit rumah pekerja yang telah dibina di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Unit Rumah Baru Dibina</i>	<i>Unit Rumah Diubahsuai</i>	<i>Jumlah Unit Rumah</i>
1981	.. .. .	4,277	69	4,346
1982	.. .. .	4,439	15	4,454
1983	.. .. .	2,973	83	3,056
1984	.. .. .	1,817	40	1,857

Tuan Yang di-Pertua, di dalam jangkamasa 4 tahun tersebut jumlah unit rumah baru di ladang-ladang yang telah dibina di bawah Akta tersebut ialah sebanyak 13,506 unit dan jumlah rumah lama yang telah diubahsuai sebanyak 207 unit dan jumlah semua ialah 13,713 unit.

Selain daripada itu kerajaan juga menggalakkan majikan-majikan ladang melaksanakan skim galakan rumah sendiri pekerja-pekerja ladang. Butir-butir kedudukan pelaksanaan skim memiliki rumah sendiri pekerja-pekerja ladang adalah seperti berikut.

Yang telah siap dibina setakat ini iaitu ada empat skim.

- (1) Ladang Batu Pekaka di Kedah sebanyak 232 unit.

- (2) Ladang Dovenby Bay di Perak sebanyak 108 unit.

- (3) Ladang Tennamaran di Selangor sebanyak 110 unit.

- (4) Ladang Supreme Corporation Bhd. di Selangor sebanyak 524 unit.

Manakala dan projek-projek di bawah skim ini yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

Di negeri Selangor melibatkan 17 ladang yang mana 1,206 unit rumah telah pun diluluskan tetapi sedang di dalam peringkat pelaksanaan, 1,107 unit rumah sedang menunggu kelulusan daripada pihak yang berkenaan dan 676 unit lagi permohonan sedang diproses.

Di negeri Kedah, di Ladang Bukit Mertajam, Kulim 290 unit menunggu kelulusan.

Di negeri Pulau Pinang, Ladang Malakof, Seberang Prai menyediakan 16 ekar tanah dicadangkan dijual kepada pekerja-pekerja untuk dibina rumah sendiri oleh pekerja-pekerja.

Di negeri Perak, Ladang Pasir Pinji menyediakan 521 unit rumah kos rendah dan penjualan rumah ini dibuka kepada orang ramai dengan diberi keutamaan kepada pekerja-pekerja ladang ini. Dan di negeri Perak juga Ladang Bidor Tahun menyediakan 40 unit dan sedang menunggu kelulusan pihak yang berkenaan.

Di Negeri Sembilan, Ladang Seremban 150 unit menunggu kelulusan pihak yang berkenaan. Ladang Senawang berhasrat menyediakan 1,511 ekar dan 250 akan menjadi kawasan perusahaan ringan dan bakinya untuk perumahan sebanyak 3,000 unit rumah kos rendah yang mana akan diberi keutamaan untuk dibeli oleh pekerja-pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penerangan-penerangan yang perlu saya jelaskan berhubung dengan perkara-perkara utama yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan memberi jaminan bahawa semua pandangan dan teguran-teguran yang membina itu akan diberi perhatian yang serius. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersempit kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.”

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang pindaan ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi mencapai azam Kerajaan mencegah jenayah corporate dari berleluasa, mengawasi tindak-tanduk pihak-pihak yang terlibat dalam operasi syarikat-syarikat, menjamin pelabur-pelabur kecil tidak tertindas dan memastikan suasana pelaburan berkembang dengan sihat.

Akta Syarikat 1965 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1966 dan semenjak dari itu hanya pindaan-pindaan kecil dibuat dalam tahun 1969 dan 1970. Pada tahun Akta Syarikat dikuatkuasakan hanya terdapat 6,600 syarikat di Malaysia dan pada kali akhir Akta Syarikat dipinda iaitu dalam tahun 1970, bilangan syarikat telah bertambah menjadi 9,000.

Pada akhir bulan Februari tahun ini bilangan syarikat yang didaftarkan di negara ini telah berlipat kali ganda menjadi sebanyak 136,000. Pertambahan di dalam bilangan syarikat telah juga menambahkan kejadian-kejadian penyelewengan dari undang-undang, amalan curang oleh pegawai-pegawai syarikat dan juga pengabaian undang-undang. Di zaman moden ini jenis-jenis penyelewengan dan kecurangan telah menjadi bertambah sophisticated.

Di sini saya suka untuk menyebutkan bentuk-bentuk penyelewengan atau kecurangan yang biasa diamalkan oleh mereka yang terlibat dengan hal ehwal syarikat diikuti dengan langkah-langkah yang dicadangkan bagi mengawalinya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi pertambahan bilangan syarikat telah berlipat ganda dan adalah amat perlu bagi rekod-rekod di pejabat pendaftar syarikat di micro-filmkan. Ini adalah bertujuan bagi menyelesaikan masalah penyimpanan fail, kekurangan ruang bagi menyimpan fail dan masalah kesukaran mengesan fail untuk pemeriksaan awal.

Di dalam seksyen 11 sekarang, tiada peruntukan yang membolehkan pengalihan kepada simpanan rekod dalam bentuk micro-film dan juga penerimaannya sebagai bukti di dalam mahkamah. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya diadakan peruntukan baru dalam seksyen 11 bagi membolehkan salinan micro-film

sebarang rekod diterima sebagai sama dengan salinan asal rekod itu dan sah sebagai bukti di dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang sekarang sekiranya sesuatu syarikat bertujuan mempelawa pekerja-pekerjanya mengambil saham dalam modal syarikat ianya dikehendaki mendaftar prospectus dengan Pendaftar Syarikat. Langkah ini melibatkan perbelanjaan yang besar dan menjadi rintangan kepada syarikat untuk berbuat demikian. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 37 memberi pengecualian dari kehendak mendaftarkan prospectus sekiranya saham-saham syarikat ditawarkan khusus kepada pekerja-pekerja syarikat atau anak syarikatnya melalui sesuatu skim yang diluluskan oleh Pendaftar Syarikat. Pindaan ini dibuat untuk mengelakkan penyertaan pekerja-pekerja dalam modal syarikat, menggalakkan penyertaan pekerja-pekerja dalam modal syarikat bagi mewujudkan rasa pemilikan dan akan meninggalkan penghasilan kerja.

Menyentuh tentang perkara berkaitan prospectus selanjutnya, pelawaan meminjamkan wang yang dibuat kepada lebih daripada 10 orang tanpa prospectus adalah melanggar undang-undang sekarang. Ini membebaskan syarikat-syarikat yang meminjam wang melalui suatu gabungan pinjaman ataupun, dengan izin, loan syndication yang melebihi 10 institusi-institusi kewangan melakukan kesalahan teknikal.

Memandangkan institusi-institusi kewangan yang terlibat seperti bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar berupaya menaksir kedudukan kewangan peminjam tanpa meneliti prospectus adalah dicadangkan pindaan dibuat kepada peruntukan seksyen 38 sekarang bagi mengecualikan mana-mana syarikat yang meminjam dari kehendak

mengeluarkan prospectus sekiranya pinjaman diperolehi daripada institusi-institusi kewangan, koperasi, badan-badan berkanun, tabung pencen atau pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan. Pertimbangan juga telah diberi ke atas amalan dalam perakaunan, pengabungan dan penyusunan semua syarikat-syarikat terutamanya penyusunan semula yang melibatkan syarikat-syarikat yang dahulunya mempunyai domicilinya di luar negeri di mana syarikat offerer, dengan izin, mengeluarkan saham-sahamnya bagi ditukarkan dengan saham dalam syarikat yang diambilalih ataupun, dengan izin, offeree. Saham syarikat yang diambilalih itu telah diberi nilai yang sama dengan nilai saham syarikat offerer tanpa mengambilkira premium yang pasti timbul dari pertukaran saham. Ini bercanggah dengan kehendak undang-undang sekarang yang mengundang sekarang yang menghendaki premium yang pasti timbul itu dipindahkan ke akaun premium saham yang hanya boleh digunakan bagi tujuan-tujuan yang terhad dan oleh itu tidak akan menguntungkan anggota-anggota syarikat yang diambilalih. Oleh itu bagi kepentingan pelabur-pelabur terutamanya anggota-anggota syarikat yang domicilinya telah dipindahkan ke Malaysia, Kerajaan mencadangkan peruntukan seksyen 80 yang ada sekarang dipinda untuk memberi pelepasan yang prospective dan retrospective kepada syarikat yang terlibat. Pindaan ini juga diharapkan akan menghindarkan syarikat-syarikat dari mencari dalih dan menggunakan kekurangan dalam undang-undang bagi melengah-lengah dan mengelakkan dari proses Malaysianisation.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada amalan kebanyakan pelabur-pelabur mendaftarkan pemegang saham mereka dalam nama nominee, ada-

kalanya bagi tujuan merahsiakan pelaburan mereka, tetapi biasanya untuk kemudahan urusanniaga saham mereka. Tiada sebarang peruntukan dalam undang-undang sekarang yang mengkehendaki perkara ini dimaklumkan kepada syarikat. Oleh yang demikian peruntukan baru telah mencadangkan melalui Penggal 3A yang baru, yang menghendaki pemegang saham substantial yakni pemegang saham yang mempunyai kepentingan yang melebihi 5% dalam equity syarikat mendedahkan kepentingan mereka. Peruntukan baru ini juga memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat menyelak tabir namaan, dengan izin, lifting the nominee's veil dengan meminta secara bertulis kepada syarikat supaya dibekal dengan sesalinan daftar yang mesti disimpan oleh syarikat. Tujuannya ialah bagi mengenalpasti mereka yang berkedudukan menerima dan mendapatkan maklumat sulit dan sensitif, harga dari penyalahgunaannya bagi mendapatkan faedah kewangan untuk diri sendiri, tambahan pula kedudukan mereka boleh dipergunakan bagi manipulasi pasaran saham syarikat dengan secara haram. Kerajaan juga menyedari bahawa perbuatan khianat melalui insider trading, dengan izin, mudah sekali dilakukan oleh atau dengan bantuan mereka yang bebas mendapat maklumat teristimewa ataupun, dengan izin, privileged information syarikat seperti Pengarah-pengarah, agen-agen dan pekerja-pekerja syarikat bagi menuai kemewahan. Yang demikian, pindaan yang dicadangkan akan mengharamkan sesiapa yang mendapat maklumat teristimewa dari penyalahgunaan maklumat tersebut dan menetapkan secara terperinci tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap mereka itu.

Peruntukan baru juga dicadangkan bagi mencegah penyalahgunaan maklumat teristimewa yang diperolehi

oleh seseorang kerana kedudukan rasminya. Pindaan-pindaan tersebut adalah terkandung dalam seksyen 132 (a) dan seksyen 132 (b).

Tuan Yang di-Pertua, selama ini didapati ada pengarah-pengarah yang telah membuat keputusan-keputusan dan mengambil tindakan-tindakan sesuka hati tanpa memikirkan kepentingan pemegang-pemegang saham. Ini biasanya merupakan satu penindasan ke atas pemegang saham minority. Peruntukan-peruntukan baru dicadangkan dalam seksyen 132 (c) dan 132 (d) diwajibkan pelupusan harta benda syarikat dan pengeluaran saham-saham baru terlebih dahulu diluluskan di dalam mesyuarat agong bagi perlindungan kepentingan pemegang-pemegang saham minority.

Seperti diketahui ramai, di antara alat yang paling berkesan bagi perlindungan pelabur-pelabur ialah kewajipan mendedah maklumat mengenai prestasi syarikat kepada anggota-anggota syarikat. Laporan pengarah-pengarah yang dibentangkan bersama akaun tahunan di mesyuarat agong di masa ini terlalu ringkas dan tidak langsung memberi gambaran yang lengkap dan berfaedah kepada anggota-anggota syarikat. Oleh itu, pindaan dibuat kepada seksyen 169 dengan tujuan mewajibkan pendedahan tambahan di dalam laporan tahunan syarikat kepada anggota-anggota syarikat mengenai sebarang perkara yang berlaku dalam tahun kewangan yang berkenaan. Ini meliputi aktiviti-aktiviti utama syarikat, sebarang pengeluaran saham oleh syarikat, kepentingan dalam saham atau debenture yang diperolehi oleh pengarah-pengarah dan sebarang kontrak yang dibuat di antara pengarah dengan syarikat. Di masa ini terdapat jurang perbezaan antara apa yang diamalkan oleh syarikat-syarikat dan apa yang diuntukkan dalam Akta Syarikat, 1965. Juru Audit yang

menjadi pengawas bagi pihak pemegang-pemegang saham diberi fungsi yang amat terhad dan bidang kuasanya tidak meliputi syarikat-syarikat subsidiary yang telah diaudit oleh juru audit yang lain.

Peruntukan baru yang dicadangkan memperluaskan kewajipan juru audit dengan menghendaki juru audit syarikat membuat kesimpulan pendapat, sama ada penyata kewangan syarikat telah disimpan dan disediakan supaya memberi gambaran yang benar dan saksama dan melaporkan sebarang pengabaian, kegagalan atau perkara-perkara yang tidak memuaskan mengikut peruntukan undang-undang.

Fungsi juru audit dikukuhkan dengan diberi kewajipan melaporkan kepada Pendaftar Syarikat sekiranya beliau berpuashati bahawa peruntukan Akta Syarikat telah dipatuhi. Dengan peruntukan ini juru audit boleh mengambil langkah-langkah segera mengarahkan pihak pengurusan untuk membuat pembetulan. Kemungkinan anggota-anggota minority syarikat dikhianati daripada keputusan majority ditambah dengan aliran semasa bagi pengambilalihan dan pergabungan corporate ataupun dengan izin, corporate mergers and take overs.

Pada dasarnya pengambilalihan dan pergabungan harus memberi natijah yang menguntungkan kepada anggota-anggota syarikat yang terlibat dan kepada masyarakat umumnya, tetapi sejarah telah membuktikan bahawa adanya transaksi pengambilalihan atau pergabungan telah menukar dengan teruk kedudukan anggota-anggota minority, bukan sahaja kuasa ke atas syarikat telah berpindah tangan, malahan juga tujuan dan objektif syarikat telah pun berbeza dari objektif syarikat yang mereka pada asalnya melabur. Ini berpunca kerana pada masa ini tiada

kod, peraturan ataupun kanun yang menguasai pengambilalihan dan pergabungan syarikat di Malaysia, kecuali prosedur seperti ditetapkan dalam seksyen 179 yang ada sekarang dan panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing. Peruntukan yang ada sekarang mengandungi banyak kekurangan hingga membolehkan pihak yang terlibat lepas dari kehendak undang-undang.

Adalah didapati wajar dibuat pindaan ke atas Akta sekarang untuk memberi peruntukan yang mewajibkan pengambilalihan dan pergabungan syarikat termasuk individu-individu serta syarikat-syarikat yang terlibat di dalam pengambilalihan, akan mematuhi peruntukan Akta Syarikat. Pindaan yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri melantik satu panel yang akan menyediakan kod mengandungi prinsip-prinsip am dan kaedah-kaedah yang wajib dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam transaksi-transaksi pengambilalihan dan pergabungan syarikat. Peraturan boleh diadakan bagi menghendaki penyerahan salinan dokumen-dokumen tersebut kepada Pendaftar Syarikat ataupun bursa saham ataupun kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat pelaburan, yakni syarikat-syarikat yang mana aktiviti utamanya ialah pelaburan dalam sekuriti boleh pasar dengan menggunakan tabungan yang diperolehi daripada orang awam, Kerajaan telah pun mencadangkan untuk melonggarkan had-had yang terkandung dalam Penggal I, Bahagian II, Akta Syarikat yang pada masa ini terpaksa dikenakan ke atas syarikat-syarikat pelaburan sekiranya syarikat itu diisytiharkan sebagai sebuah syarikat pelaburan menurut seksyen 319. Dengan pindaan yang

dicadangkan kepada seksyen 320, syarikat pelaburan akan dibenarkan mengambil pinjaman sejumlah dua kali ganda harta ketara bersihnya, walhal di masa lepas pinjaman yang dibenarkan adalah hanya setengah daripada harta ketara bersihnya. Syarikat-syarikat ini juga akan dibenarkan dengan pindaan kepada seksyen 321 untuk melabur sehingga 10% dalam modal mana-mana syarikat, manakala dahulunya ia hanya boleh melabur sehingga 5% sahaja. Selain dari itu, kelonggaran ke atas had-had mengenai operasi syarikat demikian juga dicadangkan.

Cawangan syarikat-syarikat asing, Tuan Yang di-Pertua, menurut undang-undang yang ada sekarang boleh menjalankan perniagaan di Malaysia sebelum didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965. Ini merupakan satu keistimewaan yang tidak dinikmati oleh syarikat-syarikat tempatan. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mewajibkan cawangan syarikat asing didaftarkan terlebih dahulu sebelum menjalankan perniagaan. Pindaan yang dicadangkan itu juga mewajibkan rekod kewangan dan rekod-rekod operasi di Malaysia diaudit oleh seorang juru audit tempatan. Di samping itu, cawangan syarikat asing dikehendaki mengutamakan para piutang tempatan sekiranya ia dibubarkan.

Pindaan-pindaan lain adalah consequential atau bagi mengemas dan menyelaraskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk menyesuaikan dengan amalan semasa dan suasana perdagangan.

Rasanya tidak perlu saya menghuraikan dengan panjang lebar memandangkan pindaan-pindaan itu telah diterangkan dengan jelas dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa penyelewengan-penyelewengan seperti yang saya sebutkan tadi dan juga penyalahgunaan hak istimewa oleh mereka yang khianat jarang berlaku. Bilangannya juga adalah kecil jika dibandingkan dengan kebanyakan syarikat-syarikat yang ditadbir dengan jujur, tetapi bilangan kecil ini boleh mencemar suasana baik sektor corporate, ibarat bak kata pepatah: dek nila setitik, rosak susu sebelanga.

Saya sedar penyelewengan undang-undang tidak boleh dihapuskan sama sekali, tetapi sangat perlu dikawal mulai undang-undang yang tegas. Ini akan mewujudkan rasa kepercayaan umum kepada uasaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan, tambahan pula undang-undang bagi mengawal syarikat patut diberi keutamaan memandangkan sebahagian besar sumber ekonomi negara kita adalah digunakan oleh sektor corporate.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menimbang pindaan-pindaan yang perlu dibuat, Kerajaan telah mendapatkan pandangan dan cadangan dari persatuan-persatuan yang mewakili pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,** masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat, 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.10 ptg.

**Tuan Lee Lam Thy (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian

dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Akta Syarikat 1985 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di samping itu suka saya menyampaikan beberapa pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1980 memperkenalkan 73 pindaan kepada akta syarikat yang ada sekarang yang kebanyakannya bersifat teknikal dan yang bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran Akta dan menghapuskan apa-apa anomoli.

Menurut huraian dalam Rang Undang-undang ini keseluruhannya semangat pindaan-pindaan ini ialah bertujuan untuk memperkukuhkan peruntukan-peruntukan Akta yang ada sekarang untuk memberi perlindungan yang khusus kepada pelabur-pelabur. Ianya juga memberikan kuasa-kuasa yang luas dan penting kepada Pendaftar Syarikat untuk mendapatkan lebih banyak maklumat daripada perbadanan-perbadanan dan menambah accountability awam terhadap pengarah-pengarah yang menjalankan urusan syarikat kepada pemegang-pemegang saham.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa rang Undang-undang ini didorong oleh pelaksanaan Akta Perusahaan Sekuriti. Tujuan asas undang-undang syarikat ialah memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur dan dengan konsep ini banyak peruntukan dalam Akta Syarikat adalah berkait rapat dengan Akta Perusahaan Sekuriti.

Saya bersetuju dengan semangat pindaan ini setakat mana ianya bertujuan untuk melindungi pelabur-pelabur dan hak pemegang saham.

Sebagai satu contoh saya merujuk kepada Fasal 20 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda

seksyen 69A dan memasukkan penggal baru 3A. Seksyen baru 69A memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat meminta maklumat dan butir-butir mana-mana saham yang diperolehi oleh mana-mana orang individu atau syarikat. Fasal baru ini memperkenalkan satu penggal baru 3A berhubung dengan takrif atau definisi, dengan izin, saya katakan dalam bahasa Inggeris, definisi "substantial share-holdings" dan "substantial share-holders". Keperluan pemegang saham substantial memberitahu syarikat mengenai kepentingannya, keperluan pemegang saham substantial memberitahu syarikat mengenai pertukaran kepentingannya di samping keperluan seseorang yang berhenti menjadi pemegang saham substantial memberitahu syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, penggal baru ini mestilah dipatuhi oleh semua syarikat awam seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini baik yang disenarai dalam bursa saham atau tidak dan menteri boleh mengisytiharkan sesebuah pertubuhan perbadanan atau sesebuah badan yang bukan pertubuhan perbadanan sebagai sebuah syarikat bagi maksud penggal baru ini yang terkandung dalam seksyen baru 69B.

Tuan Yang di-Pertua, pada anggapan saya ini ialah satu pindaan yang substantial, khusus untuk melindungi pemegang saham kecil dan pelabur-pelabur kecil dalam syarikat-syarikat awam. Dengan pindaan-pindaan ini pemegang saham substantial atau orang perseorangan yang menguasai kepentingan dalam syarikat dikehendaki memberitahu setakat mana pemegangan saham mereka dalam syarikat. Dalam hal ini orang perseorangan dan syarikat yang memegang saham substantial dalam sesuatu syarikat tertentu tidak boleh lagi melindungi di sebalik nama nominees seperti mana yang telah

disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dapat memenuhkan syarikat itu dari belakang. Lebih-lebih lagi keperluan untuk pendaftaran oleh pemegang-pemegang saham dengan pemegangan saham substantial ini akan membolehkan orang ramai dan pelabur terutamanya mengetahui pemegang-pemegang saham substantial yang mana tanpa pindaan ini pengenalan pemegang-pemegang saham substantial tidak diketahui oleh orang ramai.

Di samping mengalu-alukan pindaan ini, saya juga ingin menyatakan bahawa seksyen baru 69N, mahkamah telah memberi kuasa yang luas untuk bertindak ke atas pesalah-pesalah seksyen 69E, 69F dan 69G tetapi kuasa yang diberi di bawah seksyen 69N (4) adalah pada anggapan saya samar-samar (ambiguous) oleh kerana ia tidak mencatatkan apakah yang berlaku kepada saham yang telah dilabur atas nama pendaftar selepas mahkamah telah mengarahkan bahawa mana-mana saham yang tidak dijual menurut perintah mahkamah di bawah seksyen ini saham itu hendaklah diletak atas nama pendaftar. Mengenai aspek ini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan dapat memberi penjelasan tentang hal ini iaitu berkenaan dengan apakah yang berlaku dengan saham-saham yang telah diletak di bawah ataupun di atas nama Pendaftar Syarikat.

Fasal 30 yang bertujuan memperkenalkan seksyen-seksyen baru 132A, 132B, 132C dan 132D adalah juga satu pindaan yang positif. Tidak diragukan bahawa seksyen 132A yang mengendali mengenai salahguna maklumat rahsia oleh seseorang pegawai, agen, pekerja sesuatu perbadanan atau pegawai bursa saham berhubung dengan saham debentures, kepentingan atau option dalam saham

atau debentures bertujuan menyekat perniagaan orang dalam (insider trading). Pindaan ini akan melindungi pelabur-pelabur pada amnya dan memastikan bahawa mereka boleh menerima faedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin merujuk kepada seksyen 132c sebagaimana tersenarai dalam fasal 30 Rang Undang-undang ini yang menyatakan bahawa kelulusan syarikat diperlukan untuk pelupusan oleh pengarah-pengarah syarikat dan harta benda mereka.

Saya mendapati bahawa tidak ada definisi perkataan-perkataan, dengan izin dalam Bahasa Inggeris, "a substantial portion of the company's undertaking or property".

Ini boleh menghalang kemajuan syarikat dalam memberi kelulusan yang diperlukan setiap masa oleh syarikat dalam Mesyuarat Agung yang boleh menyebabkan kelewatan keberkesanan syarikat. Saya rasa cadangan boleh dibuat yang mana definisi kepada perkataan "substantial" yang mana amaun itu ialah amaun tertentu modal berbayar syarikat. Dalam seksyen 132 (c) (2) barangkali sesuatu tindakan sekatan boleh dihadkan kepada hanya satu pemegang saham substantial atau pemegang saham yang menyatukan pemegangan saham yang menjadi mereka pemegang saham substantial.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 42 yang bertujuan meminda seksyen 169 memerlukan pengumuman oleh pengarah-pengarah syarikat mengenai maklumat tambahan untuk ahli-ahli syarikat mengenai laporan yang dilampirkan kepada penyata kira-kira pada anggapan saya adalah satu langkah yang positif dan ini rasa saya akan dialu-alukan oleh orang ramai ataupun oleh para pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, ulusan yang saya berikan setakat ini mengenai

kebaikan yang boleh dicapai daripada Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, izinkan saya menyatakan beberapa bidang masalah berhubung Rang Undang-undang ini yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berupaya menjawab nanti. Bidang masalah yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah cadangan pindaan kepada seksyen 7, pindaan kepada seksyen 158, pindaan kepada seksyen 179 dan pengemukaan seksyen baru 169 (b) kepada Akta Syarikat 1965.

Yang pertama saya ingin memperkatakan bahawa Fasal 4 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Syarikat dan memperkenalkan satu seksyen baru 11 yang memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat meminta maklumat dari mana-mana orang bagi maksud memperkuatkan Akta ini, lebih-lebih lagi dalam subseksyen 12 baru yang mentakrifkan bila sesuatu surat atau dokumen disifatkan telah diserahkan kepada seseorang, sesuatu perbadanan atau firma.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas kepada saya bahawa nampaknya terdapat percanggahan antara kuasa-kuasa pendaftar di bawah seksyen 7, seksyen kecil 11(a) dan seksyen 357 Akta Syarikat tahun 1965. Di bawah seksyen 357 sesuatu permohonan mestilah dibuat kepada Hakim Mahkamah atau dengan izin dalam Bahasa Inggeris oleh sebab ini adalah sedikit teknikal.

Saya menyebut di sini mengenai satu permohonan yang hendak dibuat kepada Hakim Mahkamah dalam Court In-Chambers, dengan izin, oleh atau bagi pihak Menteri dan ditunjukkan bahawa terdapat sebab-sebab yang menasabah bagi mempercayai mana-mana orang sementara seorang pegawai syarikat telah melakukan satu kesalahan berhubung dengan pengurusan hal

ehwal syarikat dan bahawa bukti melakukan kesalahan dicari dalam mana-mana buku atau di bawah kawalan syarikat sebelum sesuatu perintah akan dibuat memberi kuasa mana-mana orang yang dinamakan dalam permohonan untuk memeriksa mana-mana buku bagi maksud menyasiat dan mendapatkan bukti kesalahan. Akan tetapi tidak seperti seksyen 357, di mana berkehendakkan satu permohonan dibuat kepada Hakim Mahkamah di bawah seksyen baru 7 seksyen kecil 11 (a) tidak ada keperluan bagi pendaftar untuk menunjukkan sebab-sebab yang menasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan telah dilakukan sebelum Pendaftar Syarikat bertindak meminta maklumat.

Di bawah seksyen kecil baru 12 seseorang, perbadanan atau firma boleh dipertanggungjawabkan di bawah seksyen kecil baru 11. Jika satu surat dikirimkan kepada alamat terakhir tidak diterima oleh orang berkenaan. Ini bermakna bahawa liability seseorang di bawah seksyen baru 7 seksyen kecil 11 (a) akan bergantung kepada kecepatan Pejabat Pos. Tidak ada keperluan untuk memohon kepada mahkamah untuk apa-apa perlindungan seperti satu notis berhubung dengan perkhidmatan gantian dalam tindakan sivil meskipun kesalahan jenayah terlibat di sini.

Adalah perlu dijelaskan bahawa bukti pengeposan pada pendapat saya hendaklah menjadi bukti *prime facie*, dengan izin dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa terdapat kebimbangan mengenai kuasa luas Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 7 seksyen kecil 11(a) yang bertentangan dengan peruntukan cooperative dalam Akta Syarikat Inggeris. Di England satu jabatan siasatan perdagangan hanya boleh dijalankan jika bukti tertentu

wujud sepertimana dalam kes yang mana sesuatu perniagaan syarikat dijalankan dengan tujuan menipu kreditor. Seorang pegawai, atau seorang agen sesuatu syarikat yang diperiksa oleh merinyu jabatan boleh menolak untuk menjawab soalan di atas asas jawapan akan meletakkan pendakwa ke atas beliau. Perkara ini mestilah dirujuk ke mahkamah yang akan memutus sama ada pegawai atau agen boleh menuntut faedah keistimewaan ini. Ini menjadi perlindungan terhadap penggunaan kuasa eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kritikan saya ke atas Fasal 4 Rang Undang-undang ini ialah memperkenalkan satu seksyen baru 169b kepada Akta Syarikat melalui Fasal 43 Rang Undang-undang ini. Di bawah seksyen baru-baru 169b, Pendaftar boleh menghendaki Pengarah-pengarah mana-mana syarikat membekalkan satu kenyataan penilaian pada kadar sekarang tentang harta dan tanggungan syarikat dalam jangka masa tertentu yang dipastikan oleh beliau.

Perlu dinyatakan di sini bahawa tidak ada tempoh masa minima yang Pendaftar boleh tentukan. Tidak ada juga keperluan di bawah Fasal 168b untuk Pendaftar menyatakan apa-apa sebab mengapa beliau memerlukan penilaian dibuat dan tidak ada spesifikasi ke atas had atau limit antara penilaian. Ini tentu boleh menyebabkan kebimbangan oleh kerana penilaian itu terlalu mahal dan penggunaan masa untuk syarikat-syarikat yang mempunyai harta substantial atau harta di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 37 Rang Undang-undang meminda seksyen 158 untuk menghendaki pendaftaran ahli-ahli itu perlu menunjukkan maklumat lanjut pemegang saham termasuk nombor kad pengenalan mereka, kewarganegaraan dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

Pada pendapat saya, ini mungkin membangkitkan satu keadaan yang teruk yang mana jika seorang ahli syarikat tidak memberikan butir-butir tadi seperti yang dikehendaki oleh Pendaftar kepada syarikat dan syarikat terikat dengan kesalahan jika ia menggunakan ikhtiarnya seberapa baik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan, akan tetapi mereka kadangkala terdapat kes yang mustahil di mana satu syarikat hendak mendapat semua butir-butir yang dikehendaki dari ahli-ahli mereka.

Yang kedua, adalah tidak jelas dengan makna perkataan "dan mana-mana maklumat yang berkaitan". Ini boleh bermakna bahawa syarikat yang gagal memberi maklumat kepada Pendaftar ahli-ahli yang tidak menyedari ianya perlu dimasukkan sebagai kedudukan pertama. Dan pengemukaan pindaan ini akan membolehkan semua syarikat mengemaskinikan semua rekod mereka dan meminta pemegang saham memberi apa-apa maklumat yang mana jika gagal syarikat itu akan terikat engan satu kesalahan.

Adalah dicadangkan di sini bahawa Fasal 37 dilaksanakan hanya berhubung dengan urusan saham-saham baru. Dalam kes-kes begini masalah yang tersebut tadi boleh diatasi dengan menggunakan borang pertukaran baru yang menghendaki bakal ahli membekalkan maklumat yang diperlukan yang mana jika gagal syarikat itu boleh menolak untuk mendaftarkan mereka. Oleh yang demikian, pindaan ini pada pendapat saya hendaklah ditangguhkan sehingga borang pertukaran penyata peruntukan dan penyata tahunan dikaji semula.

Satu lagi aspek yang mana Kerajaan patut memberi pertimbangan lanjut ialah meminda seksyen 179 yang diperuntukkan oleh Fasal 47 Rang Undang-undang ini. Fasal ini

menyediakan satu persediaan Kod oleh suatu Panel mengenai pengambilalihan (take-overs) dan pergabungan (mergers) untuk dilantik oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya hendak menyatakan di sini bahawa penentuan Kod dan pentadbiran Kod ini oleh Panel mengenai pengambilalihan dan pergabungan yang melibatkan pergandaan tugas Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Pengeluaran Modal dan ini akan menambah bilangan badan untuk menawarkan saham yang perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu.

Cadangan Kod pengambilalihan (take-over) dan Seksyen 179 yang wujud di dalam Rang Undang-undang ini adalah pada anggapan saya ialah "inflexible" memandangkan tidak ada pengecualian untuk setengah-setengah jenis urusan yang bukan jenis urusan yang menimbulkan tingkah laku "mischief", yang kurang baik yang mana undang-undang yang diperkenalkan itu disekat.

Di sini saya boleh menyebutkan sebagai satu contoh, misalnya di Australia terdapat satu Akta yang dinamakan Akta Syarikat (Pengambilan Saham), Seksyen 12 mengecualikan pengambilan saham menerusi wasiat atau kuatkuasa undang-undang.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

Tidak ada peraturan untuk merayu terhadap keputusan Panel, untuk pengambilalihan dan pergabungan. Dan apa yang tersebut dalam Rang Undang-undang ini ialah bahawa keputusan Penal tidak boleh dicabar di Mahkamah. Ini akan bermakna bahawa Panel ialah merupakan pentadbir Kod atau Administrator dan di samping itu juga memainkan peranan sebagai hakim, lebih-lebih lagi Panel yang dilantik oleh Menteri

seadiri itu hendaklah dipastikan bahawa ianya merupakan satu Panel yang bebas.

Ini pada anggapan saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini mengenai Penal atas "take-overs" dan "mergers" mungkin bertentangan dengan kedudukan di Australia yang mana syarikat-syarikat kebangsaan dan 'Secretaries Commission' yang bertindak sebagai pengawal ke atas perjalanan dan pelaksanaan Akta Pengambilan Saham Syarikat, walaupun dilantik oleh Majlis Menteri yang mana tindakannya dikaji ataupun keputusannya dapat dikaji oleh Mahkamah Tinggi menurut Perlembagaan Komanwel Australia.

Walaupun Kod yang dicadangkan memberi satu penentuan sebagai apa yang saya sifatkan di sini 'compromise' atau tolak ansur di antara 'English Model of Self-Regulation' dan peraturan undang-undang yang digubal di Australia, nampaknya seksyen 179 tidak membutirkan syarat-syarat rujukan untuk persediaan Kod, tidak ada "terms of reference" bagi tujuan untuk menentukan dan menyediakan Kod ini. Dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh memberikan penjelasan di atas beberapa perkara yang merupakan teknikal yang telah dibangkitkan oleh saya tadi, oleh kerana saya berpendapat bahawa ini adalah demi kepentingan orang ramai dan bahawa ada terdapat apa-apa kecurigaan mengenai kuasa yang diamanahkan kepada Pendaftar Syarikat ini tidak akan disalahfahamkan oleh orang ramai.

Dan sepertimana yang saya telah menyatakan tadi pada permulaan ucapan saya, sungguhpun saya telah memberi sokongan saya kepada semangat pindaan ini dari segi untuk memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur kecil akan tetapi

mengenai beberapa masalah teknikal yang saya telah sebut tadi saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang memuaskan. Sekian, terima kasih.

4.42 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincangkan suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat pada pindaan-pindaan yang diberi ini memanglah pindaan ini akan memperkemaskan Akta Syarikat daripada berlakunya penipuan atau penyelewengan terhadap hak-hak pelabur juga hak-hak yang memiliki saham di dalam syarikat-syarikat yang besar kerana sebagaimana kita tahu di dalam syarikat-syarikat yang besar, syarikat-syarikat yang mempunyai pelabur-pelabur yang banyak, lebih banyak melakukan kesalahan yang tidak menguntungkan kepada pelabur-pelabur kecil sebagaimana yang kerap berlaku dalam negara kita sekarang ini. Yang lebih penting kepada pindaan Akta Syarikat ini adalah untuk menentukan bahawa setiap syarikat yang mendaftarkan itu dapat berjalan mengikut peraturan yang ditentukan oleh Kerajaan ini adalah lebih penting daripada kita menyarankan Peraturan-peraturan ini kerana kalau sekiranya peraturan ini dilulus dan dilaksanakan tetapi penguatkuasaan untuk menentukan segala peraturan ini berjalan dengan baik tidak diperkemaskan, sudah tentu segala peraturan dan pindaan yang kita lakukan pada hari ini tidak akan memberi kesan apa-apa kepada perjalanan syarikat-syarikat awam yang ada dalam negara kita.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, sekarang ini

terdapat seseorang itu akan mendaftar syarikat tanpa had, sampai beratus-ratus syarikat didaftarkan, tidak ada sekatan ataupun tidak ada langsung had yang tertentu seseorang itu boleh menubuhkan syarikat. Apabila seseorang itu boleh menubuhkan syarikat, sehingga beratus-ratus syarikat, ini adalah menggalakkan kepada penipuan. Penipuan di dalam melarikan cukai, membuat tuntutan dua kali terhadap perbelanjaan yang dilakukan dan berbagai-bagai dan sehingga kepada untuk melarikan cukai juga berlaku bahawa di antara banyak-banyak ini dijadikan satu atau dua syarikat itu menanggung kerugian yang besar.

Dengan cara ini sudah tentulah keuntungan daripada syarikat lain itu akan dapat dilindungi pembayaran cukai dan sebagainya dengan syarikat yang diisytiharkan rugi atau bankrap tadi. Dan juga banyak kedatangan, apabila syarikat begini banyak maka sebagaimana saya kata tadi, di dalam perbelanjaan mengurus syarikat ini akan dijalankan oleh satu syarikat sahaja tetapi tuntutan mungkin akan berlaku kepada syarikat-syarikat lain dengan perbelanjaan yang sama dilakukan. Dan ini banyak berlaku dan boleh merugikan Kerajaan sendiri.

Walaupun Kerajaan mendapat keuntungan daripada pendaftaran syarikat itu dengan pembayaran setem, dengan pembayaran pendaftaran dan sebagainya tetapi Kerajaan akan menanggung kerugian dari segi pembayaran cukai hasil daripada syarikat tersebut apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan begitu banyak tanpa had oleh pihak-pihak tertentu dan yang paling menyedihkan Kerajaan sendiri tidak dapat mengawal tentang kedudukan syarikat ini. Dan dengan itulah agaknya Akta Syarikat ini sekarang ini dipinda supaya tiap-tiap maklumat itu hendaklah diberi kepada pendaftar

oleh pihak audit dan sebagainya. Ini adalah satu cara untuk menyekat. Tetapi mungkin banyak cara-cara lain iaitu dengan mengurangkan pendaftaran bagi satu-satu syarikat itu, mungkin terlampau banyak, beratus-ratus sehingga tidak dapat dikawalkan.

Yang kedua, saya suka juga menyentuh pindaan tentang syarikat luar negeri yang beroperasi dalam negara kita. Dan kita berharap, dengan adanya pindaan ini yang menjadi syarikat luar negeri ini dikehendaki mendaftar kepada pendaftaran syarikat kita. Ini adalah satu tindakan yang baik supaya syarikat-syarikat luar negeri ini tidak berleluasa berjalan di dalam negara kita tanpa ikatan atau perhatian pihak Pendaftar. Lebih-lebih lagi di dalam mengaut keuntungan di dalam negara ini. Bukan itu sahaja, setidaknya-tidaknyapihak Kerajaan hendaklah meminta laporan kewangan ataupun laporan keuntungan tahunan dan juga berhak meminta laporan audit bagi memeriksa setiap syarikat luar negeri yang beroperasi dalam negara kita supaya dapat kita menentukan keuntungan yang didapati dan cukai yang mesti dibayar ke dalam negara kita.

Walaupun kita tahu dalam akaun-akaun ini banyak perkara-perkara yang boleh dilaikan, dighaibkan atau tidak dtimbulkan di dalam akaun itu tetapi yang dilakukan oleh syarikat-syarikat besar terutama syarikat-syarikat luar negeri dengan perbelanjaan tuntutan yang besar-besar untuk mengelakkan daripada syarikat itu melakukan keuntungan yang besar tetapi dalam pada itu kita seharusnya mengkaji ataupun meminta sebarang kenyataan kewangan ataupun laporan kewangan tahunan itu bagi menentukan keuntungan yang dilakukan oleh setiap syarikat supaya keuntungan yang melampaui, atau keuntungan yang besar itu tidak

terelak daripada membayar cukai ataupun akan memberi pembahagian keuntungan yang sewajarnya kepada negara kita ini kerana setiap keuntungan itu setidak-tidaknya seharusnya dibelanjakan di dalam negara kita, tidak membawa keluar kewangan daripada keuntungan dalam negara kita ini untuk kepentingan negara mereka.

Kalau semua keuntungan dalam negara kita, yang dilakukan keuntungan daripada negara kita sebagaimana dilakukan oleh syarikat-syarikat Jepun dalam negara kita sekarang ini bukan sahaja tidak mahu membelanjakan wang itu untuk membeli bahan-bahan dalam negara kita, bahan-bahan makanan negaranya dibawa ke negeri kita supaya dia makan makanan daripada yang dieksport ataupun yang dikeluarkan oleh negara mereka. Makanan pun tidak mahu makan bahan daripada negara kita.

Ini bagaimana mereka menjalankan ekonomi mereka supaya orang-orang Jepun ini memakan makanan yang dikeluarkan oleh negeri Jepun pada hal hasil yang mereka kaup itu daripada negara kita. Jadi, penyekatan kemasukan bahan-bahan makanan seperti ini juga harus diambil perhatian walaupun perkara ini kecil pada pandangan kita tetapi dari segi pertukaran wang asing adalah perlu untuk kita meneliti perkara ini supaya setiap wang keuntungan yang dapat daripada negara kita ini tidak semuanya dibelanjakan keluar atau dibawa keluar tetapi setidak-tidaknya separuh dibelanjakan dalam negara kita supaya kita dapat menyuburkan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita juga.

Selain daripada itu saya suka menyentuh tentang syarikat-syarikat Ali-Baba ataupun sleeping partners yang kita sebut sekarang ini. Kalau sekarang ini Kerajaan menggalakkan kepada syarikat bumiputera untuk

mendapatkan tender-tender yang besar maka akan wujudlah syarikat-syarikat bumiputera dengan 51% bumiputera, 49% bukan bumiputera. Tetapi di sebalik peratusan syarikat-syarikat itu adalah syarikat itu dipunyai oleh 90 mungkin 99% bukan bumiputera. Jadi, bagaimanakah caranya pihak Kementerian untuk menentukan adakah perkara ini ditentukan dengan cara melihat kenyataan ataupun laporan yang diberi oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mendaftarkan syarikat ini ataupun pihak syarikat ini mempunyai satu kuasa untuk menentukan apakah syarikat ini benar-benar syarikat bumiputera yang mempunyai ahli-ahli yang benar-benar bertanggungjawab bagi menjalankan syarikat itu, kerana sekarang ini oleh sebab dasar Kerajaan berkehendakkan bumiputera maka dimasukkan nama bumiputera kadang-kadang bumiputera yang ada dalam syarikat itu merupakan kuli ataupun pekerja dalam syarikat itu yang tidak langsung mempunyai kuasa tetapi hanya mendapat bayaran gaji bulanan hanya sebagai pinjaman nama sahaja. Ini banyak berlaku dalam syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat persendirian yang pada hemat kita bahawa perkara ini adalah merupakan satu penipuan disebalik dasar Kerajaan yang berkehendakkan perkara itu. Ini patut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh pihak yang berkenaan supaya setiap syarikat yang ditubuhkan itu benar-benar mempunyai pembahagian share atau pembahagian saham yang benar-benar dan tidak merupakan penipuan yang berlaku kepada pihak syarikat.

Kalau sekiranya pihak syarikat tidak berupaya membuat perkara ini seharusnya mencari jalan bagaimana cara untuk mengetahui perkara-perkara ini supaya penipuan yang lebih besar tidak akan berlaku kepada syarikat-syarikat yang benar-benar

menjalankan dan yang tidak melakukan penipuan kepada pihak berkuasa.

Jadi, itulah sahaja dan saya menyokong pindaan ini supaya berjalan dengan baik dan memberi tindakan yang lebih kemas kepada perjalannya. Sekian, terima kasih.

#### 4.54 ptg.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai rakan-rakan saya untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965. Saya percaya dengan adanya pindaan-pindaan ini menunjukkan bahawa hasrat Kerajaan untuk memperkemas lagi kedudukan syarikat-syarikat di Malaysia ini.

Dalam perkara syarikat-syarikat asing di luar negeri yang bercita-cita untuk membuat apa-apa kemajuan ataupun bergerak di dalam perniagaan masing-masing di Malaysia ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan mensyaratkan mana-mana syarikat asing yang ingin mendaftarkan syarikat masing-masing di Malaysia ini supaya disyaratkan membuat joint venture ataupun kerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia, syarikat-syarikat kepunyaan orang-orang Malaysia iaitu tidaklah sepatutnya diberi peluang kepada mereka memegang sesuatu projek di negara kita ini tanpa membuat sebarang joint venture dengan mana-mana syarikat di Malaysia atau syarikat tempatan. Sebab ini adalah untuk menguntungkan kepada negara kita dan kepada rakyat Malaysia sendiri untuk menjamin pendapatan-pendapatan kepada syarikat-syarikat tempatan. Ini adalah suatu tambatan yang kemas ataupun tambatan yang tidak boleh dilari-larikan. Dan semoga dengan cara ini dapat kita memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat tempatan dengan secara tidak langsung dan dengan sendirinya

syarikat-syarikat tempatan ini akan hidup dengan perlindungan pergerakan kemajuan syarikat-syarikat asing yang bergerak di tanah air ataupun di negara kita.

Banyak negara-negara yang kurang maju yang menuju hala kemajuan mereka membuat syarat-syarat seperti apa yang saya sebutkan tadi. Seperti, umpamanya negeri Saudi Arabia, sungguhpun negeri Saudi adalah sebuah negeri yang kaya dengan hasil minyak dan sebagianya akan tetapi dalam segi perusahaan, pergerakan, kecergasan rakyatnya dalam segi memajukan syarikat-syarikatnya sendiri dalam negerinya tidak begitu rancak dengan sebab pengalamannya kurang walaupun wang banyak dan modalnya begitu kemas dan baik tetapi pengalamannya kurang, dengan itu pihak Kerajaannya membuat syarat yang ketat bahawa tiap-tiap syarikat luar negeri yang hendak memegang ataupun membuat sebarang projek dalam Saudi Arabia mestilah dijalinan joint venture dengan syarikat tempatan, kalau tidak, tidak dapat projek langsung.

Oleh yang demikian cara ini adalah suatu yang menguntungkan. Dengan itu sedikit demi sedikit sambil mempelajari di atas apa pergerakan-pergerakan yang dimajukan oleh syarikat asing itu masa ke semasa, maka syarikat-syarikat tempatan itu dapat meniru dan bergerak dengan maju sebagaimana apa yang telah dimajukan oleh syarikat-syarikat asing. Maka cara ini besarlah harapan saya supaya pihak Kerajaan membuat peraturan-peraturan ketat dan kemas supaya jalinan-jalinan ini akan menambah kemas kepada Akta yang kita hajati ini.

Sesuai pula dengan kehendak-kehendak kita ataupun kehendak-kehendak Kerajaan kepada matlamat meniru negeri-negeri maju ataupun hasrat kita tujuan pandang ke Timur

dan sebagainya, berhasrat untuk meniru bagaimana orang-orang Jepun ataupun Korea bekerja kuat dan bekerja dengan kepandaian-kepandaian yang berdisiplin. Syarikat kita kita lepas mana-mana syarikat asing dengan tidak buat syarat ikatan sebagaimana apa yang saya sebut tadi, maka di manakah tiru-tiruan ataupun contoh-contoh yang kita akan dapat daripada pekerjaan-pekerjaan syarikat-syarikat asing ini. Tambahan pula syarikat-syarikat asing itu masing-masing dengan penuh kebijaksanaan mereka untuk membuat untung yang tidak dapat diketahui oleh pihak orang negeri itu sendiri ataupun pihak Kerajaan kita sendiri. Dengan adanya cara tadi dengan sendirinya kita akan mendapat tahu dan kita akan dapat mempelajari.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, suatu pandangan mengenai syarikat-syarikat tempatan yang didaftarkan. Apakah kiranya supaya syarikat-syarikat tempatan ini akan menjadi syarikat yang benar-benar subur kerana yang kita nampak hari ini syarikat-syarikat maju ialah daripada syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat yang telah ada modal banyak, syarikat-syarikat yang mempunyai juta-jutaan hartanya tetapi kepada syarikat-syarikat kecil daripada tahun ke setahun, masa ke semasa payah naik atau tidak begitu berkembang. Maknanya, kalau sekiranya dia mempermodalkan ataupun dengan modal \$50,000 maka dia tidak akan pergi kepada \$5 juta dalam masa tempoh yang patut ia akan terima \$5 juta tetapi ia masih \$50,000 lagi. Selama 5 tahun dia buka syarikat ataupun selama 6 tahun dia buka syarikat sepatutnya modal \$50,000 sudah meningkat kepada \$5 juta kerana itu sudah memakan masa 7 tahun ataupun 8 tahun, tetapi dengan lembab, dengan cergasan yang tidak cukup maka dia tidak begitu meningkat dalam masa yang begitu lama yang sepatutnya kita capai.

Tidak lain tidak bukan rasa saya ialah bimbingan-bimbingan tidak ada.

Kalau umpama kata dibuka sebuah syarikat yang mempunyai partners 4 orang terdiri daripada orang-orang kampung yang tidak ada pengalaman dan bagi pihak Kerajaan tidak ada pula memberi sebarang nasihat-nasihat dan sebagainya, sepatutnya Kerajaan menghantar engineers daripada pihak Kerajaan memberi nasihat-nasihat dan pandangan kepada syarikat-syarikat kecil ini bagaimana cara supaya maju dan memberi dorongan-dorongan bagaimana supaya dia akan dapat wang untuk menjadikan modal besar daripada apa yang dia ada. Sebab bimbingan-bimbingan, ajaran-ajaran, tunjukajar-tunjukajar, pelindung yang paling besar sekali ialah Kerajaan dan guru yang paling besar sekali atau guru yang paling pakar sekali ialah Kerajaan. Maka hendaklah Kerajaan sentiasa bersifat tunjukajar kepada rakyat yang membuka syarikat-syarikat kecil bagaimana untuk memajukan.

Oleh yang demikian, sepatutnya pihak Kerajaan membuat senarai, tengok mana syarikat-syarikat yang baru dibuka, kemudian tengok berapa dia punya modal. Jarang-jarang sekali panggil dia, suruh engineers memberi pandangan dan memberi keyakinan kepada mereka untuk bekerja keras dan beri dorongan-dorongan kemudahan untuk dia mendapat pekerjaan-pekerjaan.

Yang ada pada hari ini didapati syarikat-syarikat kecil boleh jadi mati begitu sahaja dengan modal-modalnya, dengan partnersnya, dengan pejabatnya, dengan tidak tahu di mana hilang tidak berkubur. Tidak lain tidak bukan kerana tidak ada bimbingan-bimbingan, nasihat-nasihat, pandangan-pandangan yang berguna bagaimaa cara-cara untuk memajukan. Yang kita tengok ialah syarikat besar jugalah yang dapat

projek-projek besar. Kalau dikatakan syarikat-syarikat pemborong, untuk mendapat kerja-kerja atau projek-projek besar, kita sudah batasan-batasan yang tertentu. Misalannya, "C" dia tidak boleh kerja-kerja besar yang boleh diselenggarakan oleh pihak lesen "B", kemudian beberapa juta misalan bagi pihak "A" lesen-lesen yang mertabat kepada "A" sahaja. Maka yang "C" bila dia akan tercapai kepada "A"? Orang-orang yang kita benarkan dia bekerja atau membuat projek \$100,000 bila dia akan boleh buat kerja \$10 juta? Adakah Kerajaan ingin tengok syarikat-syarikat yang terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan selama 10 tahun ataupun 20 tahun yang dia sentiasa membuat ataupun melakukan pekerjaan-pekerjaan menyelenggarakan usaha-usaha projek dalam lingkungan umpama kata \$100,000 sampai berpuluh-puluh tahun dalam lingkungan itu juga?

Maka siapa yang mengangkatkan ini? Syarikat mengangkatkan sendirikah ataupun dengan bimbingan Kerajaan? Kerajaan kena bimbingan, angkatkan bagaimana mereka yang kecil ini akan jadi besar, iaitu dengan memberi kemudahan-kemudahan untuk mereka mendapat pegang projek-projek besar. Misalan "C" jangan mempercepat sangat untuk dia pergi kepada peringkat "BX" dan sebagainya. Cuba kita sendiri, kadang-kadang kita tidak yakin kepada syarikat tempatan yang boleh buat kerja, kadang-kadang oleh kerana 10 tahun yang lalu kita tengok ada satu syarikat membuat satu projek tidak berjaya, kita masih ingat, kita masih tulis dengan dakwat merah bahawa 10 tahun dahulu ada yang tidak berjaya. Sepatutnya yang tidak berjaya itu kita mahu panggil, beri kepada dia projek supaya dia berjaya, bukan hendak matikan dia. Ini kita menjadi contoh teladan kepada syarikat-syarikat lain pula iaitu kita tidak memberi dia memegang projek

besar atau kita tidak hendak beri dia kepada peringkat "BX" kerana dia "CX" kerana dahulu sudah tidak berjaya membuat satu projek yang telah dipegangnya, didapati tidak berjaya dan kerana tidak berjaya itulah kita tidak hendak beri kepada dia naik kepada "BX" ataupun "BK".

**Tuan Yang di-Pertua:** Maafkan saya, Yang Berhormat bercakap atas pindaan yang mana itu?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Seksyen berapa yang tidak dipinda itu?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Muka 58, Fasal 55.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Fasal-kecil 55.

**Tuan Yang di-Pertua:** Muka 58, Fasal-kecil. . . . .

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** 55, bertujuan meminda Seksyen 323 untuk menghapuskan kehendak bahawa sesebuah syarikat pelaburan, itu dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemindaan di atas seksyen apa itu? Pindaan seksyen berapa, 171 atau 174 iaitu muka 58, ya? muka 58 ialah berkenaan Fasal 44 dan Fasal 45 yang memaksud hendak pinda Seksyen 171 dan Seksyen 174. Sila teruskan tetapi mintalah supaya berkenaan dengan pindaan yang telah dicadangkan.

**Tuan Ibrahim azmi bin Hassan:** Terima kssasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara apa yang saya sebutkan tadi mengenai syarikat-syarikat kecil bahawa pihak syarikat-syarikat ini sentiasa mengharapakan pergantungan yang kuat daripada pihak-pihak yang tetentu. Dengan yang demikian di atas hasrat pindaan-pindaan ini tidak lain

tidak bukan ialah Kerajaan bertujuan untuk memperbaiki sekiranya syarikat-syarikat itu kecil bagaimana caranya ia untuk besar dan untuk menjadi sebuah syarikat yang kuat dan bermutu. Maka nilai-nilai ini adalah satu nilai yang paling mustahak sekali dan mustahaklah bagi pihak Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan yang seterusnya kepada syarikat-syarikat ini.

Oleh yang demikian memandangkan kepada banyaknya syarikat-syarikat di Malaysia ini iaitu syarikat-syarikat tempatan, sepatutnyalah bagi pihak Kerajaan sentiasa meneliti tentang kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh tiap-tiap syarikat itu supaya dengan penelitian itu akan dapat dari masa ke semasa hubungan-hubungan yang begitu rapi di antara syarikat-syarikat dengan pihak yang bertanggungjawab dalam Kerajaan. Begitu juga syarikat-syarikat yang memegang sesuatu projek Kerajaan tidaklah kiranya begitu dikedatkan tentang cara-cara pembayaran seperti satu-satu syarikat membuat sesuatu projek kecil Kerajaan ataupun mana-mana projek Kerajaan. Ada kalanya masa pembayaran-pembayaran terlampau sangat diperketatkan, kadang-kadang Engineer yang diutus oleh Kerajaan untuk memeriksa mana-mana sahaja projek kadang-kadang sengaja pihak Engineer itu mengetatkan sesuatu atau terlampau mencari salah sangat membawa kepada tidak dapat dibayar dengan segera.

Apabila sahaja pembayaran-pembayaran kepada syarikat-syarikat ini dibekukan ataupun dilambatkan bagaimanakah syarikat-syarikat yang ingin maju ataupun yang mula mahu maju akan dia terus maju. Sekiranya ia syarikat-syarikat kecil, maka dengan sendirinya dia akan terkandas, dengan sendirinya dia tidak boleh membayar gaji kuli-kuli mereka, pekerja-pekerja mereka dan dengan sendirinya ia akan jadi terkandas dan

dengan sendirinya syarikat itu jadi mati.

Oleh yang demikian perkara-perkara yang seumpama ini bagi pihak saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi perhatian yang kemas dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

5.15 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membincang Rang Undang-undang untuk meminda akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh dua perkara sahaja, satu ialah Seksyen baru yang meminda Seksyen 132 dan kedua Sekyen baru 132A.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat mengemaskinikan peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang terdapat di dalam Akta Syarikat yang ada sekarang ini. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda salah satunya ialah Seksyen 132 Akta Syarikat yang sekarang supaya skop (coverage) Seksyen 132 ini diperluaskan kepada orang-orang yang dianggap orang-orang insider atau corporate insider dengan meluaskan tegahan (prohibition) di bawah Seksyen 132 (2) kepada Pegawai Bursa Saham (Stock Exchange) dan juga dengan meluaskan definisi "agen" dengan merangkumi di bawah definisi tersebut Akauntan ataupun Stockbroker sesebuah syarikat dan juga lain-lain orang yang bila-bila masa dalam 6 bulan adalah terlibat dengan syarikat dan yang mempunyai penerangan yang dia pegang oleh kerana dia mempunyai pertalian dengan syarikat. Tuan Yang di-Pertua dapat melihat dan membaca Seksyen 132 di mukasurat 35 dan 36 dan ianya tertulis dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan kepada Seksyen 132 seorang pegawai Bursa Saham walaupun tidak menjadi ejen syarikat diwajibkan supaya memberitahu atau membuat disclosure, dengan izin, mengenai dengan keuntungan rahsia atau secret profits yang diterima ataupun yang diambil atau dibuat olehnya atas penggunaan maklumat rahsia.

Juga di bawah Seksyen 132 baru ini, orang-orang yang mempunyai perhubungan tidak langsung ataupun dalam perkataan lain connected with the company, dengan syarikat tetapi mempunyai access ataupun jalan masuk kepada, dengan izin unpublished price sensitive information, walaupun mereka ini bukan ejen syarikat diwajibkan untuk memberitahu mengenai dengan keuntungan rahsia yang mereka dapat sewaktu memegang jawatan tersebut. Dalam erti kata lain kaedah accountability atau rules of accountability di bawah Seksyen 132 dahulu diperluaskan sekarang berdasarkan atas prinsip iaitu seseorang di dalam dengan izin insider, tidak seharusnya membuat keuntungan ataupun menerima keuntungan dari kedudukannya.

Pemindahan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur terutama pemegang saham minority di dalam sesebuah syarikat oleh kerana di dalam satu-satu corporate game, dengan izin, orang-rang yang dikhianati kerap-kali adalah pemegang-pemegang syer minority dan oleh kerana itu pindaan itu dialu-alukan supaya kedudukan pelabur-pelabur kecil ataupun pelabur-pelabur minority dilindungi daripada orang-orang yang mempunyai kedudukan dalam syarikat-syarikat walaupun tidak disenaraikan dan didaftar dengan Bursa Saham tetapi merupakan syarikat-syarikat yang besar-besaran perlu dilindungi.

Di bawah Seksyen 132A, Tuan Yang di-Pertua, yang baru ini, seksyen tersebut diperkenalkan kepada saham-saham yang disenaraikan dan didaftarkan dengan Bursa Saham. Dan mengenai dengan corporate insider, dengan izin, kepada saham syarikat yang belum disenaraikan dengan Bursa Saham di bawah Seksyen 132A baru ini, mereka tidak diwajibkan membayar pampasan kepada orang yang dikhianati disebabkan penggunaan maklumat-maklumat sulit oleh corporate insider ini. Saya khuatir jika pengarah-pengarah atau pemegang-pemegang saham majority sesebuah syarikat ingin supaya menjadikan syarikat satu syarikat awam, dengan izin, satu public company dan corporate insider ini berjaya membuatnya satu syarikat awam, dan kadangkala corporate insider ini akan melantik mungkin suatu merchant bank sebagai penasihatnya dalam usahanya menjadikan satu syarikat persendirian kepada satu syarikat awam. Kadangkala seorang pegawai ataupun pegawai di dalam merchant bank yang menjadi penasihat kepada syarikat tersebut ataupun pegawai Bursa Saham dan oleh kerana mereka mempunyai maklumat yang awal ini bahawa syarikat ini akan disenaraikan ataupun didaftarkan dengan Bursa Saham mereka akan menggunakan peluang ini supaya membeli saham-saham dari pemegang-pemegang saham majority supaya mendapat satu keuntungan yang besar apabila saham syarikat tersebut disenaraikan di Bursa Saham nanti.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan ini pemegang-pemegang saham minority tidak mempunyai satu remedy, dengan izin, terhadap corporate insider yang saya sebutkan tadi. Dan satu remedy yang pemegang-pemegang saham minority ini dapat menggunakan adalah melalui satu tindakan, dengan izin, derivative

action untuk mendapatkan keuntungan rahsia yang dibuat oleh corporate insider.

Di bawah Seksyen baru ini nampaknya tidak ada perlindungan yang diberi kepada pemegang-pemegang saham minority. Adalah wajar bagi kita untuk meneliti satu perkara yang seumpama ini yang berlaku di Singapura di mana Seksyen 132A Akta Syarikat Singapura diperluaskan peruntukannya kepada kesemua transaksi-transaksi saham, semua share transactions walaupun syer tersebut tidak ditransact di Bursa Saham ataupun di pasaran terbuka. Dan oleh kerana itu, saya rasa Kementerian perlu mengubahsuaikan seksyen 132 ini supaya pemegang-pemegang saham minority di dalam sesebuah syarikat yang belum disenarai atau didaftarkan dengan Bursa Saham dilindungi dengan memperluaskan syarat ini ataupun seksyen ini kepada semua pembelian atau pejualan saham sama ada saham-saham yang disenarai dengan Bursa Saham ataupun tidak supaya dengan ini kita dapat melindungi pemegang-pemegang saham yang minority.

Dalam 5-6 tahun yang lepas, kita telah melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku di pasaran Bursa Saham di mana pembeli-pembeli saham telahpun dikhianati oleh pemegang-pemegang syer di dalam sebuah syarikat yang mempunyai maklumat sulit yang dapat digunakan untuk mereka dalam manipulasi harga saham-saham tiap-tiap hari. Selain dari itu, kita juga mempunyai pengarah-pengarah yang kadangkala mempunyai saham-saham yang terbesar dalam sebuah syarikat dan mereka juga dapat menggunakan maklumat sulit untuk mempermainkan saham-saham yang ada di dalam pasaran perdagangan kita sehingga pemegang-pemegang saham minority tidak mempunyai perlindungan yang ketat terhadap corporate inside yang

menyalahgunakan maklumat ataupun kedudukan mereka.

Saya haraplah supaya Kementerian dalam melaksanakan Rang Undang-undang baru ini segala langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian, oleh Kerajaan mengenai dengan syarikat-syarikat yang ada di negara ini supaya tidak mempunyai loophole, dengan izin, yang akan memberi peluang kepada orang-orang menggunakan loophole tersebut untuk membuat sesuatu yang dapat mengancam kepada perkembangan ekonomi negara kita dan saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini untuk memperkemaskinikan Akta Syarikat yang sedia ada dan juga melindungi terutama pemegang-pemegang saham yang minority. Kita harap supaya penilaian dibuat dari masa ke semasa atas undang-undang yang sedia ada, yang mentadbir perjalanan syarikat-syarikat di negara ini supaya sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara kita satu negara perindustrian, satu negara yang berdasarkan teknologi insentif.

Kita haraplah supaya dengan penyesuaian yang dibuat dari masa ke semasa mengenai dengan Akta Syarikat, ekonomi kita akan berkembang supaya menjadi satu kebanggaan bukan sahaja peniaga-peniaga di negara ini, bahkan peniaga-peniaga di peringkat antarabangsa. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

5.36 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam membincangkan Akta syarikat (Pindaan) 1984 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa syarikat-syarikat di negara kita ini makin hari makin bertambah iaitu daripada perangkaan pada mula Akta Syarikat ini dikuatkuasakan hanya ada 6,600 syarikat, kemudian pada tahun 1970 bertambah menjadi 9,000 dan pada tahun 1984 jumlah syarikat yang telah berdaftar berjumlah 136,000. Bertambahnya syarikat-syarikat yang telah didaftarkan, ini membuktikan dengan jelasnya bahawa dakwaan-dakwaan pihak-pihak tertentu terutama parti-parti Pembangkang yang menyatakan bahawa Akta Syarikat yang baru dipinda ini menyebabkan ramai pelabur-pelabur tidak yakin ataupun tidak berminat untuk menubuhkan syarikat-syarikat kerana syarat-syarat yang telah dibuat oleh Kerajaan begitu ketat, terutama dalam memberi peluang penyertaan bumiputera. Dengan pertambahan ini jelaslah bahawa dakwaan-dakwaan atau tuduhan-tuduhan itu palsu dan ini menunjukkan bahawa Akta Syarikat yang ada sekarang ini memang menjamin dan memberi peluang kepada pelabur-pelabur melaburkan saham-saham mereka di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang sambutan orang ramai, terutama orang-orang Melayu dalam menyertai syarikat-syarikat ini. Sebagai bukti, apabila tawaran-tawaran saham dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tertentu maka sambutan orang ramai begitu hebat sekali. Sebagai bukti, peruntukan saham katalah \$8 juta tetapi sambutan daripada orang ramai kadang-kadang melebihi sampai \$20-\$30 juta, ertinya 100-200% tambahan ataupun sambutan daripada orang ramai. Ini menunjukkan orang ramai sudah begitu minat tentang menyertai syarikat-syarikat yang telah disenaraikan di bursa saham. Oleh yang demikian, sangatlah tepat dan kena pada masanya pihak Kementerian telah

membentangkan Akta ini untuk mengetatkan lagi Akta Syarikat supaya tidak berlaku atau untuk mencegah jenayah perdagangan yang sekarang ini sangat berleluasa di dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang Fasal 43, iaitu seksyen baru 169B memberi kuasa kepada Pendaftar meminta penyata penilaian aset dan liability sesebuah syarikat pada nilai semasa. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah Kerajaan hendak menentukan, hendak memastikan bahawa penilaian itu dibuat pada pasaran semasa kerana pihak orang yang menilai ini boleh berpakat dengan penilai-penilai itu berapa harga yang dia mahu. Sebelum mereka meminta tambahan saham ataupun tawaran saham kepada orang ramai, pihak pengarah-pengarah syarikat ini boleh mempermainkan orang ramai dengan harta aset yang mereka ada itu, katalah \$4 juta nilainya, mereka boleh berpakat dengan penilai-penilai supaya menaikkan harga \$4 juta itu kepada \$16 juta misalnya. Yang saya hendak tanya, bagaimana Kerajaan hendak memastikan bahawa aset yang dinilai itu tepat dengan harga pasaran semasa, itu yang saya hendak tahu. Bagaimana Kerajaan boleh memastikan kerana pertalian pengarah dengan syarikat-syarikat penilai ini begitu rapat, sangat rapat.

Jadi, apa yang kita bimbang apabila orang ramai berebut-rebut membeli saham yang ditawarkan mereka membeli, pada hal pada syarikat yang telah menaikkan asetnya itu kepada satu angka yang membuat keuntungan kepada syarikat ataupun pemegang-pemegang saham yang telah sedia ada, bukan kepada pemegang-pemegang saham yang baru. Ini sekali lagi saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan bagaimana caranya ataupun

kaedahnya pihak Kerajaan dapat memastikan perkara ini boleh dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang Fasal 45, iaitu bertujuan supaya seseorang juru audit akan dikehendaki menyatakan sama ada akaun disatukan itu telah dibuat dengan sempurna supaya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal syarikat itu. Saya mempunyai pengalaman dalam syarikat-syarikat berdaftar ini di mana hubungan syarikat-syarikat ini dengan setiausaha, biasanya setiausaha ini adalah terdiri daripada syarikat peguam atau syarikat akauntan di mana hubungan antara syarikat-syarikat ini dengan syarikat setiausaha ataupun syarikat akauntan itu begitu rapat kerana oleh sebab terlampau banyak syarikat-syarikat setiausaha ataupun syarikat-syarikat akauntan ini, maka mereka berebut untuk mendapat pelanggan-pelanggan untuk menjadi setiausaha kepada syarikat-syarikat yang ternama, oleh itu mereka mesti mempunyai hubungan yang rapat. Dalam erti kata, mereka mesti menurut apa kata pengarah-pengarah syarikat yang berkenaan, kadang-kadang akaun syarikat-syarikat itu boleh diubahsuai oleh pihak akauntan dan syarikat setiausaha ini menyesuaikan untuk faedah pengarah-pengarah. Ini satu lagi perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana pihak Kerajaan boleh mengawas, maksud saya pihak Pendaftar Syarikat boleh mengawas bahawa syarikat-syarikat setiausaha dan akauntan itu betul-betul memberi penyata yang tepat mengenai kedudukan sesebuah syarikat itu. Saya harap mendapat penjelasan yang jelas dalam perkara ini.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru pihak Kerajaan setelah kita meminda Akta

ini, mengetatkan Akta Syarikat ini untuk melindungi para pembeli saham atau pemegang saham, Kerajaan juga patut melatih pegawai-pegawai polis supaya mereka ini dapat mengesan jenayah-jenayah perdagangan yang sekarang ini makin hari makin bertambah. Kalau kita tak silap, pegawai-pegawai polis kita ini hanya sangat mahir dalam bidang jenayah-jenayah biasa, tetapi sangat kurang mahir ataupun tidak terdedah kepada kemahiran tentang jenayah-jenayah perdagangan, sangat kurang. Pihak Pendaftar tidak boleh bawa perkara ini pergi ke mahkamah kalau tidak ada report daripada polis dan polis yang hendak membuat report menjalankan siasatan mengenai jenayah perdagangan ini mestilah mempunyai pengetahuan yang dalam mengenai jenayah-jenayah perdagangan. Jadi, untuk memastikan bahawa Akta yang kita pinda ini betul-betul mencapai objektifnya, maka saya sangat berharap kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya dapat mengadakan perhubungan yang rapat dengan pihak polis menyediakan pasukan polis kita ini dengan pengetahuan yang dalam tentang jenayah-jenayah perdagangan ini supaya pindaan yang kita buat ini memberi erti akan mencapai objektifnya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya dalam pindaan akta ini dan saya sekali lagi berharap supaya dengan adanya pindaan tentang Akta Syarikat ini dapat melindungi para pemegang saham, terutama bumiputera yang baru menunjukkan minat untuk menyertai dalam bidang-bidang ini dan ada setengah bumiputera itu sanggup bergadai bergolok untuk mendapatkan saham-saham yang baik apabila ditawarkan. Jadi, kita harap mereka ini tidak akan kerugian dengan adanya pindaan terhadap Akta

ini supaya pindaan ini akan betul-betul dapat melindungi pemegang-pemegang saham yang saya maksudkan itu. Maka, dengan itu saya menyokong pindaan Akta ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

5.48 ptg.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun membahaskan Rang Undang-undang berhubung dengan Akta syarikat. Untuk penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu, saya ingin merujuk kepada ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah pun menyentuh dengan banyak beberapa Fasal dan Seksyen yang terpenting dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang soal seksyen 179 berhubung dengan pengambilalihan dan juga pergabungan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Dalam hal ini, peruntukan yang telah dibuat dalam akta ini ialah untuk membenarkan Yang Berhormat Menteri menubuhkan satu panel yang di dalamnya terdiri daripada pakar-pakar dan wakil-wakil dari pihak-pihak agensi yang penting yang akan memberikan khidmat untuk membuat penilaian kepada segala cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak syarikat dalam usaha pengambilalihan ataupun pergabungan.

Soal pertama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu untuk memastikan supaya panel ini tidak

bertindak secara sewenang-wenangnya dan perlu diadakan satu kod yang boleh menjamin satu keadaan yang adil dilaksanakan.

Cadangan-cadangan dan syor-syor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar akan kita ambil perhatian apabila perlantikan ahli-ahli panel ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan. Kajian telah pun dibuat ke atas amalan-amalan take overs and mergers di United Kingdom dan juga di Australia yang mengamalkan cara pengawalan yang berlainan dan Kerajaan berpendapat bahawa dalam soal ini kesederhanaan adalah paling sesuai bagi keadaan pelaburan di negara kita sekarang. Sebab itu kita tidak akan bertindak secara keterlaluan kerana tindakan-tindakan secara keterlaluan mungkin akan memberi kesan yang negatif kepada pertumbuhan pelaburan dan ini adalah satu jaminan yang kita berikan kepada sektor corporate apabila sahaja ahli-ahli panel dilantik dan satu terms of reference yang jelas diwujudkan untuk mengelakkan keraguan bagi pihak sektor corporate.

Mengenai kecurigaan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa keputusan panel adalah muktamad dan tidak ada appeal avenue, maka saya ingin menyatakan bahawa mengikut perhatian kita bahawa pertimbangan akan diberi supaya suatu prosedur rayuan ataupun appeal procedure dirangka dalam susunan panel yang dibentuk kelak. Bermakna walaupun ada keputusan-keputusan yang akan dibuat dan keputusan itu dianggap muktamad, avenue ataupun ruang masih terbuka untuk pihak syarikat-syarikat yang terlibat untuk membuat appeal ataupun rayuan di atas keputusan-keputusan yang telah pun dicapai oleh pihak panel.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah pun menyentuh

tentang seksyen 158 iaitu mengenai masalah-masalah yang dibangkitkan berhubung dengan pendaftaran dan sebagainya. Keraguan ini memang kita sedari dan masalah-masalah yang disebutkan itu memang kita ambil kira dan kita bercadang untuk menanggukkan penguatkuasaan seksyen-seksyen yang terlibat termasuk seksyen ini sehingga cara-cara dan sistem-sistem yang tertentu dapat kita wujudkan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan menyediakan umpamanya borang-borang yang lengkap yang boleh digunakan untuk mendapat maklumat-maklumat itu dan peraturan-peraturan ini akan diwujudkan apabila sahaja undang-undang ini dilaksanakan.

Soal yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada seksyen 169B yang berhubung dengan maklumat-maklumat yang terkandung dalam penyata kira-kira adalah maklumat-maklumat yang didapati pada akhir tahun kewangan syarikat dan ada kalanya nilai buku harta syarikat itu tidak membayangkan harta semasanya dan oleh yang demikian ia tidak menunjukkan kedudukan kewangan syarikat yang sebenar. Maka dengan kuasa yang diberikan oleh seksyen baru yang kita wujudkan dalam akta ini maka Pendaftar Syarikat boleh meminta syarikat membekalkannya dengan penyata harta dan tanggungan menurut nilai semasa bagi kepentingan pemegang-pemegang saham yang tidak puashati dengan pembahagian dividen ataupun bonus dan sebagainya. Jadi, kalau mengikut keadaan yang wujud ini tidak menggambarkan keadaan yang sebenar dan kalau pada masa lepas pihak Pendaftar Syarikat tidak diberikan kuasa maka dalam keadaannya sekarang ini kuasa telah pun diperuntukkan dalam seksyen 169B, maka pendaftar Syarikat boleh meminta walaupun tidak obligator tetapi bila dirasakan

perlu boleh meminta kepada pihak pegawai-pegawai syarikat untuk membuat penilaian dan menyampaikan maklumat itu segala tindakan berhubung dengan syarikat ini adalah dirasakan patut.

Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa seolah-olah ada ambiguity dalam seksyen 69N (4) berkenaan dengan kuasa Mahkamah Tinggi apabila meletakkan sebarang saham yang tidak dijual dan juga persoalan tadi apa jadinya dengan saham-saham yang telah pun diserahkan kepada Pendaftar Syarikat.

Berkenaan dengan perkara ini ada diperuntukkan dalam Akta Syarikat 1965 yang tidak dipinda iaitu Akta 311 di mana ada dinyatakan peraturan-peraturan yang lengkap bagaimana harta itu akan dijual ataupun diserahkan mengikut aturan-aturan yang sedia ada. Jadi, ini tidak menimbulkan masalah kerana peruntukan yang dicadangkan itu tidak membabitkan satu keadaan yang ambiguity di antara kuasa Mahkamah Tinggi dengan kuasa Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan seksyen 132 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai istilah ataupun definisi "substantial portion of the company's under taking properties", dengan izin. Kenyataan ini dijelaskan dengan kenyataan kalau kita baca dalam seksyen 132 Rang Undang-undang ini, tak boleh dia berhenti di situ kerana ada qualifying statement, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dengan izin, "which would materially affect the performance of the company", iaitu bahagian-bahagian harta syarikat yang mempunyai kesan-kesan yang substantial dan ini mungkin dari segi takrifnya agaknya ambiguous tetapi saya fikir dari segi tindakan

Pendaftar Syarikat mungkin ada kriteria-kriteria yang tertentu yang boleh digunakan untuk mengatakan bahawa tindakan yang dilakukan oleh pengarah-pengarah ini mempunyai kesan-kesan yang besar dan mungkin sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada kaitan dengan soal modal syarikat dan hatanya dan pihak pengarah sendiri mungkin sedia maklum dalam hal ini. Jadi, apa yang dicadangkan di dalam seksyen ini ialah kalau kita dapati bahawa tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Pengarah Syarikat itu memberi kesan yang substantial maka pihak Pendaftar Syarikat boleh meminta supaya maklumat-maklumat yang lanjut diberikan. Sebab itu saya berpendapat walaupun apa yang disebutkan di dalam undang-undang ini tidak begitu jelas tetapi dari segi tindakan biasanya penilaian-penilaian yang tertentu dibuat oleh Pendaftar Syarikat untuk memastikan bahawa apa yang disebut sebagai "substantial portion of the company's undertaking properties" itu adalah mengikut kadar yang dianggap munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang soal fasal 4 mengenai seksyen 7 yang telah pun diperuntukkan.

Sebenarnya seksyen yang diperuntukkan seksyen baru ini adalah selaras dengan keadaan yang wujud sekarang mengikut Akta Interpretasi 1967 di mana kalau sekiranya tidak diperuntukkan begini, pihak Pendaftar syarikat tidak mungkin dapat maklumat-maklumat yang diperlukan. Kita berpendapat bahawa dalam Akta yang lama pihak Pendaftar Syarikat tidak sebenarnya mempunyai kuasa yang begitu luas dan kalau diragukan sesuatu keterangan tidak mungkin dapat diambil tindakan. Maka sebab itu dalam Akta yang baru ini kita

masukkan cadangan seksyen 7 tadi yang membolehkan pihak Pendaftar Syarikat mengambil tindakan untuk mendapatkan maklumat dan ini selaras dengan tujuan kita untuk menentukan supaya tidak ada penyelewengan berlaku dalam sektor corporate.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan tentang soal penguatkuasaan undang-undang. Memanglah kita berpendapat bahawa tidak ada memberi kesan kalau sekiranya ada undang-undang tetapi tidak dijalankan penguatkuasaan. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa Pendaftar Syarikat sememangnya menjalankan tindakan secara random dari semasa ke semasa kepada syarikat-syarikat terutama pada syarikat-syarikat yang kita ragui perjalanannya dan apabila kita dapati syarikat itu telah pun melakukan suatu kesalahan maka laporan polis akan diberikan ataupun akan diambil dan pihak polis akan dijemput untuk mengambil tindakan-tindakan undang-undang selanjutnya.

Dan berhubung dengan perkara ini saya juga ingin menyentuh tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi saranannya supaya pihak kita berhubung dengan pihak Polis dan memberikan latihan yang cukup kepada pegawai-pegawai Polis dari segi bidang jenayah perdagangan ataupun corporate crime. Saya ingin memaklumkan sebagaimana juga yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa terdapat di Pejabat Pendaftar Syarikat sekarang ini empat orang pegawai polis yang disangkutkan di pejabat ini daripada pihak commercial crime ataupun pihak jenayah perdagangan daripada Bukit Aman dan mereka ini memberi bantuan kepada pihak Pendaftar Syarikat dalam bidang penyelidikan ataupun tindakan yang

dijalankan. Dan kita juga diberikan kuasa untuk membentuk satu bahagian khas iaitu Bahagian Pemeriksaan dan Penyiasatan di pejabat Pendaftar Syarikat untuk menguruskan hal-hal berkenaan dengan penguatkuasaan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:**

Sama ada boleh atau tidak pegawai-pegawai di Pejabat Pendaftar Perdagangan ini kita latih menjadi Polis supaya dia mempunyai kuasa Polis dan pengetahuan yang mendalam dalam bahagian perdagangan ini, dengan sendirinya perkara jadi mudah dan tidak payahlah kita melatih pegawai Polis yang biasa ini menjadi pegawai yang menjaga jenayah perdagangan. Kemungkinan itu ada atau tidak ada, saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.**

**Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, Pendaftar Syarikat juga mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu termasuk untuk mengarahkan supaya tindakan-tindakan siasatan dijalankan sebagai Public Prosecutor dan sebab itu kita berpendapat mungkin cadangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diambil kira kemudian kelak tetapi yang kita telah pun mengambil tindakan sekarang ialah mengambil pegawai-pegawai ini yang juga pegawai yang mahir daripada pihak polis dan ditugaskan di Pejabat Pendaftar Syarikat. Jadi, dari segi anggotanya ialah orang yang sama dan orang yang pakar dalam bidang yang kita harapkan dapat mereka laksanakan.

Ahli Yang terhormat daripada Pasir Puteh telah pun mengatakan bahawa terlalu banyak syarikat ditubuhkan hingga tidak ada kawalan. Sebenarnya inilah satu daripada hasrat kita mengadakan peruntukan-peruntukan ini memastikan supaya syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan dapat menjalankan operasinya

mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dan kalau sekiranya didapati bahawa syarikat-syarikat itu tidak dijalankan mengikut peraturan prinsip-prinsip undang-undang dan juga peraturan-peraturan yang lain maka tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat kita ambil terhadap syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus iaitu berkenaan dengan kedudukan syarikat asing dan disarankan supaya dikenakan syarat supaya mengadakan joint venture. Walaupun ini secara langsung tidak ada hubungan dengan pindaan undang-undang ini mungkin semangat undang-undang itu ada iaitu pertamanya kita menghendaki bahawa syarikat-syarikat yang dahulunya tidak diwajibkan didaftarkan sekarang ini diwajibkan didaftarkan di Malaysia sebab pada keadaan dahulu syarikat-syarikat asing seolah-olah mempunyai keistimewaan kerana boleh membuka cawangannya di Malaysia dengan tidak payah mendaftar dan memulakan perniagaan. Jadi, sebab itu ada kesulitan dari segi undang-undang yang boleh kita ambil terutama kalau mereka rugi dan terpaksa mengulung tikar maka ada yang lari dan tidak membayar hutang-hutang kepada pelanggan-pelanggan dan juga hutang piutang yang ada di dalam Malaysia.

Maka semangat pindaan ini ialah untuk memberikan kesempatan yang lebih kepada syarikat-syarikat tempatan menjalankan usahasama dengan syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan diluar negeri dan didaftarkan semula dalam negeri kita.

Berkenaan dengan perlunya Kerajaan memberikan bimbingan kepada syarikat-syarikat tempatan, memang menjadi hasrat kita untuk berbuat demikian. Dalam konteks ini

peruntukan syarikat, saya fikir tidak ada menyekat tindakan-tindakan seperti itu dan kita percaya pihak agensi ataupun Kementerian-kementerian berkenaan ada mempunyai tugas yang tertentu yang boleh membimbing syarikat-syarikat ini untuk menjadi syarikat-syarikat yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dari pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas mengenai dengan seksyen 132 dan juga beliau menyebutkan supaya tiada pampasan kepada orang-orang yang dikhianati dengan peruntukan ini tidak begitu dijelaskan. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa tujuan utama peruntukan ini diadakan ialah untuk melindungi kepentingan minoriti, pemegang-pemegang saham minoriti. Sekarang ini dalam undang-undang yang lama tidak begitu jelas kedudukannya dan sebab itu manipulasi dijalankan oleh pihak pemegang saham yang besar. Dan kalau kita lihat dari peruntukan undang-undang ini tingkat kadar penalty ataupun denda adalah dipertingkatkan lagi dan ini seharusnya menjadi satu perkara yang akan menyekat secara berleluasa tindakan yang dijalankan oleh pihak pengarah-pengarah majoriti untuk tidak mengambil kira kepentingan-kepentingan minoriti dan secara tidak langsung saya menganggap ini merupakan perlindungan kepada pihak saham-saham minoriti.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya sama ada saham-saham yang disebutkan itu hanya saham-saham yang disenaraikan. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak semestinya saham-saham yang disebutkan di dalam undang-undang ini adalah saham-saham dalam syarikat-syarikat awam yang disenaraikan iaitu kepentingan minoriti akan juga dilindungi dalam

syarikat-syarikat yang bukan syarikat-syarikat awam dan saham-sahamnya tidak disenaraikan dalam pasaran saham. Bermakna peruntukannya sama, boleh dikuatkuasakan kepada syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan dalam pasaran saham.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau berhubung dengan penilaian, bagaimana pihak Pendaftar Syarikat dapat menentukan bahawa penilaian yang diberikan oleh pihak pengarah dan syarikat itu adalah penilaian yang wajar, penilaian yang betul dan apa yang disebutkan oleh ahli Yang Berhormat tadi bahawa kemungkinan berlaku keadaan di mana laporan penilaian yang diberikan itu tidak begitu munasabah. Saya fikir kita ada mekanisma yang tertentu untuk memastikan bahawa penilaian rasmi yang dikemukakan oleh pihak penilai-penilai yang dilantik oleh pihak syarikat-syarikat itu adalah penilaian-penilaian yang wajar dan tidak dibuat secara "rigging" ataupun dengan secara untuk tujuan-tujuan penipuan. Sebab itu saya berpendapat selain daripada ukuran penilaian rasmi oleh pihak penilai-penilai Kerajaan, pihak Pendaftar Syarikat boleh meminta supaya mereka itu menggunakan penilai-penilai yang berdaftar dan kalau sekiranya kita ragu-ragu tentang keputusan yang dibuat oleh pihak penilai ini maka pihak Pendaftar Syarikat boleh mengemukakan pandangan dan tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil supaya segala maklumat yang disampaikan dari segi penilaian harta ataupun saham itu adalah maklumat yang betul dan tidak dipesongkan.

Dan selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga mengemukakan tentang soal Juru Audit bahawa gambaran yang diberikan oleh Juru Audit mestilah merupakan gambaran yang benar. Saya hendak menyebutkan bahawa sebelum

daripada peruntukan baru ini dikemukakan, memang ada peranan dan aturan yang dikenakan kepada Juru Audit Syarikat mengemukakan laporan kepada pihak Pendaftar Syarikat mengikut laporan tahunan yang dikanunkan tetapi pada masa ini sebelum pindaan baru dicadangkan, maklumat yang disampaikan itu adalah maklumat yang terhad dan tidak memberikan gambaran yang menyeluruh dan walaupun kita meminta supaya Juru Audit membuat laporan yang lebih menyeluruh tidak ada peruntukan dalam keadaan undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan kita membuat begitu.

Jadi dengan peruntukan baru ini Juru Audit dengan arahan daripada Pendaftar Syarikat dan kuasa peruntukan undang-undang ini boleh mengambil kira lebih banyak lagi maklumat-maklumat untuk disampaikan dengan memberikan gambaran yang lebih tepat tentang perjalanan syarikat termasuk soal penjualan saham, soal pembelian dan sebagainya. Dengan sebab saya berpendapat bahawa dengan cara ini pihak Pendaftar Syarikat boleh mengawasi perjalanan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja beberapa jawapan yang saya ingin berikan kepada teguran ataupun kepada pemerhatian yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Akta ini. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 30* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 31-73—*

*6.14 ptg.*

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, saya suka hendak merujuk kepada Fasal 47 iaitu berhubung dengan pindaan Seksyen 179 pecahan (8), dengan izin, menyatakan bahawa:

“(8) The act and decisions of the Panel in the exercise of its functions in respect of the general principles and rules in the Code shall be final and not capable of being challenged in any court.”

**Tuan Pengerusi:** Seksyen berapa itu Ahli Yang Berhormat?

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Fasal 47, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pindaan seksyen 179 Akta, pecahan 8.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Saya merujuk kepada ayat yang terakhir tadi yang menyatakan, “the Code shall be final and not capable of being challenged in any court.”

Saya fikir bahawa peruntukan yang menyatakan bahawa “Code”, dengan izin, “take-over” dan “mergers” ini, saya fikir eloklah kalau boleh dibenarkan di bawa ke mahkamah. Amatlah saya fikir kurang molek sekiranya Code itu dianggap sebagai satu Code yang muktamad yang tidak

boleh langsung di bawa ke mahkamah atas perkara-perkara yang tertentu. Maklumlah, tuan Pengerusi, Code ini adalah satu perkara yang baru, maka sudah pasti banyaklah pendapat-pendapat dan banyaklah perkara-perkara yang kurang jelas dan sepatutnyalah perkara ini dibenarkan di bawa ke mahkamah.

Saya fikir kurangnya molek sekiranya undang-undang membuat satu peruntukan tidak membenarkan perkara itu di bawa ke mahkamah. Saya cuma hendak membawa satu penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau boleh beliau dapat mempertimbangkan supaya Code "mergers" dan "take-over" itu dibenarkan di bawa ke mahkamah dan tidak seperti yang ada sekarang ini dan saya hendak minta penjelasan adakah ini bermakna tak boleh langsung, kalau ada timbul sesuatu, adakah bermakna tak boleh langsung di bawa ke mahkamah? Ataupun adakah keadaan-keadaan di mana perkara ini boleh di bawa ke mahkamah. Itulah penjelasan yang saya hendak minta di bawah Fasal 47 (8).

Kemudian saya hendak sentuh juga tentang Fasal 72, Tuan Pengerusi, yang menyatakan bahawa:

"72. The principal Act is amended by adding immediately after section 373 a new section 374 as follows—

374. The Yang di-Pertuan Agong may by order, add to, delete, vary or amend all the Schedules to this Act and such order shall be published in the Gazette."

Saya minta izin, dan minta penjelasan, boleh tak kalau undang-undang "subsidiary legislation", dengan izin, kalau dapat dibawa ke Parlimen terlebih dahulu sekurang-kurangnya untuk dibentangkan untuk maklumat ahli-ahli Parlimen sebelum ianya dibawa sebelum menjadi undang-undang setelah dipublished

dalam Gazette kerana perkara undang-undang kecil Akta Syarikat ini adalah penting dan sekiranya undang-undang itu dipinda cuma melalui Gazette sahaja, maka mungkin akan timbul masalah-masalah kerana perkara itu tidak dibawa ke pengetahuan umum terlebih dahulu dan kadang-kadang masyarakat perniagaan ini terkejut, kadang-kadang dengan pindaan-pindaan yang datang secara mengejut.

Oleh yang demikian saya memohon, kalau boleh dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan ataupun memberi pengakuan kalau boleh, sebelum Jadual di bawah Akta Syarikat itu dipinda ataupun dimansuhkan ataupun ditambah, kalau boleh, tambahan pindaan ataupun pemansuhan mana-mana bahagian Jadual di bawah Akta ini sebelum ianya diisytiharkan dalam Gazette, kalau boleh dapatkah perkara itu dibentangkan terlebih dahulu di Parlimen ini sekurang-kurangnya untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, Tuan Pengerusi.

6.08 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat bahawa pihak Kementerian yang berkenaan dapat menimbangkan semula tentang peruntukan Fasal 47 (8) ini mengenai sama ada peraturan-peraturan Code boleh jadi muktamad ataupun patut dirujuk ke mahkamah. Dalam ucapan saya tadi, saya pun telah mempersoalkan tentang aspek keadilan sama ada peraturan-peraturan dalam Code ini adalah menjadi muktamad dan tidak boleh dicabar di mahkamah dan sungguhpun tadi dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pihak Kementerian akan mengambil inisiatif untuk mengadakan satu jalan atau avenue untuk membenarkan rayuan, akan tetapi saya berpendapat

bahawa sekiranya peruntukan Fasal 47 (8) itu dapat ditimbang semula dan sekiranya pihak Kementerian dapat membenarkan bahawa Peraturan Code ini bukanlah jadi muktamad dan boleh dirujuk ke mahkamah, pada anggapan saya ini adalah satu jalan yang lebih elok untuk mengatasi kerumitan ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat daripada Sepang dan juga dari Kuala Lumpur Bandar yang telah pun mengemukakan pandangan mengenai dua perkara yang sama iaitu pertamanya berkenaan dengan Fasal 47(8) iaitu berhubung dengan bahawa keputusan-keputusan yang telahpun dibuat di bawah Kod ini tidak boleh dichallenge di Mahkamah.

Berhubung dengan perkara ini, kalau dapat kita rujuk dalam perkara muka 64, Fasal 47 dalam seksyen 179(2), (3) dan berikut iaitu di mana kita ada menyebutkan bahawa walaupun ada Panel diwujudkan, Panel ini adalah diwujudkan di bawah kuasa Menteri dan Panel ini bertindak tidak secara bersendirian tetapi perlu merujukkan segala keputusan-keputusan Panel itu kepada Menteri, Khususnya dalam perkara 3 (b) di muka 64 iaitu:

“The Code and any amendment thereto shall be submitted to the Minister for his approval and the approved Code and any amendment thereto shall be published in the *Gazette* for the general information of the public.”

Jadi bermakna, keputusan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini

adalah keputusan yang muktamad. Walaupun begitu saya fikir dalam segi tindakan sebagaimana yang saya telah terangkan dalam menjawab perkara ini tadi bahawa kita akan menetapkan garis-garis panduan di mana Panel ini akan mengadakan Kodnya ataupun peraturan-peraturan dan juga akan memperuntukkan avenue untuk rayuan. Dengan sebab itu bermakna walaupun ada diperuntukkan dalam di sini, saya fikir dari segi tindakannya, kita akan membolehkan pihak-pihak yang berkenaan “the aggrieved party” mengemukakan rayuan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Dalam hal yang kedua berhubung dengan teguran Yang Berhormat dari Sepang berkenaan dengan bahawa peruntukan Fasal 72 akta itu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja Seksyen 373, seksyen baru 374 seperti berikut, yakni mengenai kuasa. Ini jika sekiranya Parlimen memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan agong untuk meminda hanya Jadual sahaja iaitu ini boleh dibuat oleh Parlimen kepada Duli Yang Maha Mulia. Bermakna masih ada lagi peruntukan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi membolehkan perkara ini dibawa ke Parlimen, khususnya Schedules di bawah Akta yang disebutkan iaitu seksyen baru 374 tadi.

**Tuan Pengerusi:** Fasal 31 hingga 73 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 31 hingga 73* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**  
**RANG UNDANG-UNDANG**  
**PERIKANAN**

**Menangguhkan Bacaan Kali Kedua**

**Timbalan Menteri Perikanan (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Perikanan ditangguhkan bacaan kali keduanya pada hari lain di dalam mesyuarat ini juga.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di hadapan kita

ialah Rang Undang-undang Perikanan ditangguhkan bacaannya kali kedua dalam mesyuarat kali ini, dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Perikanan ditangguhkan bacaan kali keduanya pada hari lain di dalam mesyuarat ini juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.28 petang.*